



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK ABDUL HALIM BIN YUSOF @ SABTU  
AHLI PERSATUAN SEJARAH SEGAMAT  
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG POGOHO**

**NUR AMIRAH UZMA BINTI RAZAK**

**(2022923103)**

**NURUL ARISSA BINTI MUHAMAD ZAMRI**

**(2022912537)**

**SEMESTER MAC 2023- OGOS 2023**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK ABDUL HALIM BIN YUSOF @ SABTU  
AHLI PERSATUAN SEJARAH SEGAMAT  
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG POGO**

**NUR AMIRAH UZMA BINTI RAZAK**

**(2022923103)**

**NURUL ARISSA BINTI MUHAMAD ZAMRI**

**(2022912537)**

**KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN INFORMATIK, MEDIA DAN  
MATEMATIK**

**SEMESTER MAC 2023- OGOS 2023**

## ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
	<b>Abstrak</b> <b>Penghargaan</b> <b>Senarai Abreviasi</b> <b>Senarai Singkatan</b> <b>Rujukan Kata</b>	i-vi
<b>1.0</b>	<b>Biodata Penemubual</b> 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 2
<b>2.0</b>	<b>Biodata responden</b> 2.1 Biodata Responden 2.2 Pengenalan kepada Responden	4 5
<b>3.0</b>	<b>Sejarah lisan</b> 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	7 7 8
<b>4.0</b>	<b>Kajian Literatur</b> 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	10 11-13
<b>5.0</b>	<b>Transkrip Temubual bersama Tokoh</b>	15-68
<b>6.0</b>	<b>Log Temubual</b>	70-79
<b>7.0</b>	<b>Ralat</b>	81
<b>8.0</b>	<b>Glosari</b>	83
<b>9.0</b>	<b>Indeks</b>	89-91
<b>10.0</b>	<b>Bibliografi</b>	93-94
<b>11.0</b>	<b>Lampiran</b> 11.1 Biografi responden 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari penyelidikan 11.5. Gambar	96 97 98-100 101-105 106-109

## **ABSTRAK**

Transkrip ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji berkaitan topik utama kajian ini iaitu sejarah pembukaan Kampung Pogoh dan temubual telah dijalankan terhadap seorang pengkaji dan pengumpul sejarah yang juga merupakan ahli bagi Persatuan Sejarah Segamat di kawasan Segamat. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui kisah sebenar bagi menambahkan lagi maklumat mengenai kampung-kampung yang ada di “Segar Amat” yang merupakan bumi bertuah seperti Kampung Pogoh dan merungkai segala peristiwa sejarah dan mistik bagi Kampung Pogoh sebagai sumbangan kepada koleksi sejarah lisan. Kajian ini juga membincangkan dengan lebih mendalam tentang kearifan tempatan seperti sejarah Kampung Pogoh, kisah Panglima Pasak, kisah keakraban bunian dengan manusia ketika dahulu atau kisah daripada masyarakat tempatan dan pengalaman responden terutama berkaitan topik kajian yang dijalankan. Justeru, transkrip ini juga dapat merungkai bagaimana sejarah kearifan tempatan seperti pembukaan Kampung Pogoh yang dahulunya dijaga oleh bunian. Kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada para penyelidik, pelajar serta orang awam. Oleh itu, dengan kajian yang dilakukan bersama responden yang arif mengenai Kampung Pogoh dan juga ahli Persatuan Sejarah Segamat ini dapat membantu dalam memberikan maklumat mengenai sejarah yang berkaitan Kampung Pogoh dan cerita mistik yang ada pada zaman dahulu sehingga kini.

***Kata kunci:*** kampung pogoh, sejarah pembukaan, mistik, temubual, tokoh

## **ABSTRACT**

This transcript was conducted in order to study the main topic of this study which is the history of the opening of Kampung Pogoh and an interview was conducted with a researcher and history collector who is also a member of the Segamat Historical Association in the Segamat area. This study was conducted to find out the real story to add more information about the villages in "Segar Amat" which is a lucky land like Kampung Pogoh and unravel all the historical and mystical events for Kampung Pogoh as a contribution to the oral history collection. This study also discusses in more depth about local wisdom such as the history of Kampung Pogoh, the story of Panglima Pasak, the story of elves' friendship with humans in the past or stories from the local community and the experiences of respondents, especially related to the topic of the study. Therefore, this transcript can also unravel the history of local wisdom such as the opening of Kampung Pogoh which was once guarded by elves. This study focuses on researchers, students and the general public. Therefore, with the research conducted with respondents who are knowledgeable about Kampung Pogoh and also members of the Segamat Historical Association, this can help in providing information about the history related to Kampung Pogoh and the mystical stories that exist from ancient times until now.

**Keywords:** pogoh village, opening history, mystic, interview, figure

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya dan dengan limpah kurniaan-Nya, kami telah mampu menyiapkan dan melengkapkan tugas sejarah lisan bagi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama dengan pencerita yang telah dipilih yang telah memberikan sumbangan yang besar dengan penuh jayanya terhadap kajian ini.

Kami sebagai pelajar yang telah berjaya dalam menyelesaikan kajian ini, Nurul Arissa Binti Muhamad Zamri dan Amirah Uzma Binti Razak ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami bagi subjek IMR604 iaitu Puan Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman. Beliau telah memberikan tunjuk ajar dan arahan yang begitu jelas daripada mula projek ini dijalankan sehingga tamat kepada semua pelajar. Tidak dilupakan juga, beliau telah menyediakan garis panduan kepada kami dan segala jenis bahan rujukan untuk kami menyempurnakan lagi untuk tugas transkrip kami. Tanpa beliau, kami tidak akan dapat menyelesaikan tugas ini dengan sempurna dan berkat jasa pensyarah kami tugas ini dapat disiapkan dengan jayanya berkat daripada bantuan dan tunjuk ajar daripada beliau.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengkisah kami iaitu Encik Abdul Halim Bin Yusof @ Sabtu atas segala kerjasama yang begitu baik yang telah diberikan sepanjang sesi temubual. Dengan keperibadiannya yang semangat dalam menceritakan secara terperinci telah membuatkan kami berasa senang untuk berurusan dengan pengkisah kami. Malah, beliau telah membawa kami untuk melihat tempat-tempat bersejarah yang ada dan penyampaian cerita beliau yang amat padat dengan isi dan maklumat baru bagi kami. Dengan ini, kami telah mengetahui akan pentingnya dalam mengetahui sejarah dan peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu supaya ianya dapat membuka ramai mata generasi yang sekarang dan akan datang untuk mempelajarinya.

Akhir sekali, kami juga ingin berterima kasih kepada semua rakan seperjuangan kami yang telah bersama-sama berusaha dalam menyiapkan tugas transkrip ini yang telah membantu dan memberikan tunjuk ajar kepada kami.

Sekian daripada kami, terima kasih.

## SENARAI ABREVIASI

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
ADUN	AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI
AJK	AHLI JAWATANKUASA
MPS	MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
UiTM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SENARAI SINGKATAN

AU: AMIRAH UZMA

NA: NURUL ARISSA

HY: HALIM YUSOF



RUJUKAN KATA

BERANAK	BERSALIN
DAH	SUDAH
DAMPINGAN	BANTUAN
DORANG	MEREKA
GANGSTER	SAMSENG
JE	SAJA
LANUN	PEROMPAK LAUT
LEPAS TU	SELEPAS ITU
LUT	TEMBUS
MENGORAT	MEMIKAT
RIMAU	HARIMAU
TAK	TIDAK
TAK DE	TIDAK ADA
TOKEY	KETUA
TU	ITU

**BIODATA**  
**PENEMUBUAL**

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama	Nur Amirah Uzma Binti Razak
Tarikh lahir	7 Mac 2001
Tempat lahir	Kuantan, Pahang
Alamat	A8-26 Pinggiran Putra Kempadang Makmur 26060 Kuantan, Pahang
Email	amirahuzma111@gmail.com
Program	IM246- Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Rekod
Tempat pengajian	UiTM Kampus Segamat, Johor

## 1.2 BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama	Nurul Arissa Binti Muhamad Zamri
Tarikh Lahir	24 Mac 2001
Tempat lahir	Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Alamat	No 8, Kampung Sungkak 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Email	nurarissa010@gmail.com
Program	IM246- Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Rekod
Tempat pengajian	UiTM Kampus Segamat, Johor

# **BIODATA RESPONDEN**

## 2.0 BIODATA RESPONDEN

### 2.1 BIODATA RESPONDEN



Nama	Abdul Halim Bin Yusof @ Sabtu
Tarikh Lahir	11 November 1963
Tempat Lahir	Segamat, Johor
Alamat	Lot 1715 Jalan Bukit Piatu Kampong Pogoh Tengah .85000 Segamat Johor
No. Telefon	0127574771
Pekerjaan	Persara dan ahli Persatuan Sejarah Segamat
Bilangan ahli keluarga	Seorang isteri dan 7 orang anak

## 2.2 PENGENALAN KEPADA RESPONDEN

Abdul Halim Bin Yusof @ Sabtu atau nama panggilannya Cik Halim telah dipilih sebagai pengkisah bagi sejarah lisan mengenai Kampung Pogoh. Beliau dilahirkan pada 11 November 1963 yang kini berumur 60 tahun. Dilahirkan di Segamat dan sehingga ke hari ini masih menjadi penduduk di sana. Cik Halim mempunyai 16 adik beradik dan kebanyakan adik beradiknya masih tinggal berdekatan dengan Kampung Pogoh. Rumah yang didiami oleh beliau merupakan rumah pertama yang dibina di Kampung tersebut pada tahun 1993 bersebelahan dengan rumah ayah mentua beliau. Selain daripada itu, Cik Halim seorang yang sudah pencen dan kini bergiat aktif dalam menguruskan kebun buah-buahan dan ladangnya yang juga berada di Kampung Pogoh. Buat pengetahuan, Cik Halim juga merupakan ahli aktif di dalam Persatuan Sejarah Segamat dan mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai sejarah Segamat.

# SEJARAH LISAN



### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang dan bagi sesuatu tempat. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan suatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah, & Noor Azlinda, (2012). Kebanyakan penyelidik mereka tidak mengharapkan kepada sumber primer atau bahan bertulis sahaja dalam melakukan kajian tetapi mereka juga akan merujuk kepada sejarah lisan yang telah dilakukan. Oleh hal yang demikian, sejarah lisan amatlah penting dalam bidang sejarah kerana setiap maklumat yang ada dapat memberikan rujukan kepada para penyelidik.

Sejarah lisan sering muncul untuk menjadi proses teknikal yang lebih atau kurang dalam mencatat jawapan informal serta seterusnya ia direkodkan dalam mesin pita dan transkrip. Boleh dikatakan mereka yang membuat kajian sejarah lisan merasa menarik kerana mereka akan merasai pelbagai jenis pengalaman baharu, melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai, serta mengenali lebih banyak personaliti manusia. Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas yang meliputi pelbagai golongan seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabenat, pengarang, korporat dan sebagainya (Rozeman, 2004). Selain daripada itu, sejarah lisan juga boleh didefinisikan sebagai salah satu kaedah inkuiri bagi mendapatkan maklumat daripada sejarah bertulis dan ia juga merupakan satu kajian yang dapat menyimpan data-data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu (Soew Han Lin, 2019).

#### **3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN**

Objektif sejarah lisan adalah salah satu usaha dalam mengumpulkan maklumat yang terdapat kekosongan dalam catatan sejarah dan antara objektifnya ialah.

1. Untuk dijadikan sumber rujukan yang jelas.
2. Menambah koleksi dan pendokumentasian sejarah.
3. Meningkatkan kesedaran kepentingan sejarah lisan.

Manakala bagi tujuan utama sejarah lisan ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang sejarah Kampung Pogoh yang berada di Segamat dengan lebih mendalam di mana masih tidak ramai yang mengetahui mengenai asal usul kampung ini. Berikut adalah tujuan penyelidikan:

1. Untuk merungkai asal usul pembukaan Kampung Pogoh
2. Untuk mengkaji unsur-unsur sejarah yang berlaku
3. Untuk mengenalpasti sumbangan Kampung Pogoh bagi daerah Segamat

### 3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Antara kepentingan mengapa sejarah lisan ini dilakukan terhadap sejarah kampung di Segamat adalah bagi menambahkan lagi sumber-sumber primer tentang asal usul penubuhan Kampung Pogoh. Hal ini demikian kerana, terdapat kampung-kampung yang terpencil yang dahulunya menjadi tulang utama bagi membangunkan daerah Segamat ini sering diabaikan akan kewujudan kampung tersebut. Ini disebabkan oleh kurangnya kajian yang dilakukan terhadap kampung ini yang mana ianya kian kurang menjadi perbualan orang zaman sekarang akan kehadiran Kampung Pogoh. Terdapat banyak sejarah dan cerita-cerita yang menarik terhadap kampung ini yang sewajarnya diketahui ramai kerana jika tidak terjadinya sejarah yang berlaku di Kampung Pogoh maka kampung tersebut tidak akan teguh sehingga sekarang. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan sebaik mungkin bagi menambah sumber primer mengenai sejarah pembukaan Kampung Pogoh.

Di Segamat wujudnya salah satu Persatuan Sejarah Segamat yang ditubuhkan untuk tujuan penyelidikan, pembelajaran dan memelihara warisan dan sejarah Segamat. Melalui sejarah lisan mengenai Kampung Pogoh ini, ianya akan menambahkan sumber-sumber dan kajian yang akan disumbangkan kepada persatuan ini mengenai kampung ini. Dengan usaha yang dilakukan bagi meneroka sejarah penubuhan Kampung Pogoh, ianya dapat dijadikan sebagai harta warisan terhadap negara kerana setiap peristiwa yang berlaku perlu direkodkan. Di mana ianya juga untuk dijadikan sebagai tatapan generasi akan datang supaya mereka mengetahui dan memahami apa yang terjadi dan mengapa ianya terjadi dan seterusnya mampu meneruskan pengekalan warisan tersebut.

# **KAJIAN LITERATUR**

## 4.0 KAJIAN LITERATUR

### 4.1 KEPERCAYAAN MASYARAKAT DAHULU

Masyarakat Melayu berpegang kepada kepercayaan animisme yang banyak dipengaruhi oleh alam sekeliling. Kepercayaan animisme bermakna bahawa setiap objek itu mempunyai jiwa, roh, dan semangat yang mempunyai perwatakan sendiri dan ia boleh membawa kesan baik dan buruk kepada pengamalnya (Hajjah Wan Aminah Haji Hasbullah, Wan Faizah binti Wan Yusoff, 2012). Tidak ketinggalan Kampung Pogoh juga mempunyai cerita-cerita mistik mengenai perkampung bunian. Penduduk di situ percaya bahawa selain penempatan orang asli, orang bunian juga mendiami kampung itu. Ini kerana, lebih meyakinkan lagi apabila ada seorang penduduk mengaku pernah berkahwin dengan orang bunian. Disebalik dunia nyata, menjadi kepercayaan sebahagian masyarakat yang mendakwa wujud alam bunian yang terselindung di sebalik pandangan manusia (Syamilah Zulkifli, 2019).

Kepercayaan dan agama adalah dua aspek sosial yang sukar untuk dipisahkan kerana sebahagian besar kepercayaan itu dikaitkan dengan agama. Manusia sama sekali tidak akan terlepas daripada pengaruh agama yang dianuti yang kebiasaannya akan melahirkan satu bentuk budaya yang bersesuaian dengan saranan agama anutan tersebut (Jerna Petri, 2018). Masyarakat Melayu beranggapan benda-benda yang berada disekeliling mereka mempunyai semangat dan kuasa ghaib seperti kuasa matahari, bulan dan bintang. Kebanyakan masyarakat Melayu pada zaman dahulu, mereka telah banyak melakukan pemujaan atau penyembahan ke atas batu-batu, pokok-pokok, sungai-sungai, gunung dan fenomena alam yang lain sebagai tanda menghormati dan percaya akan kewujudan semangat yang terdapat pada alam sekeliling (Muhammad Haji Salleh, 2001).

Kuasa ghaib pula disifatkan sebagai makhluk halus seperti hantu, jembalang atau jin yang menjadi penunggu kepada objek berkenaan dan untuk berhubung dengan perkara ghaib ini masyarakat Melayu menggunakan khidmat bomoh dan pawang sebagai orang tengah (Ryan. N.J 2003). Pemikiran ini bertentangan dengan saranan agama Islam yang melarang sebarang bentuk penghormatan yang berlebihan atau pemujaan kepada perkara lain selain daripada Allah kerana perbuatan ini dilihat memberikan kemudaratn kepada manusia seperti yang di jelaskan dalam surah Yunus, ayat ke 106 bermaksud; *“Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat*

*kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)”. (AlQur’an, Yunus 10:106).*

#### 4.2 PERKAMPUNGAN MASYARAKAT MELAYU

Segamat merupakan daerah paling utara yang terletak di negeri Johor. Nama Segamat dipercayai berasal daripada gabungan dua perkataan Melayu berikut iaitu Segar-Amat (Pentadbiran Tanah Johor, 2022). Segamat juga mempunyai banyak kampung yang masih menyimpan sejarah mereka tersendiri seperti di dalam kajian ini iaitu Kampung Pogoh. Menurut kamus dewan dan pustaka, kampung boleh didefinisikan sebagai kawasan kediaman yang terdiri daripada sekumpulan rumah di luar bandar. Gaya hidup di luar bandar juga mempunyai keperluan privasi dan keselamatan yang berbeza selain mempunyai corak kehidupan dan aktiviti yang berbeza (Lim Jee Yuan, 1987). Seperti Kampung Pogoh, mereka asalnya merupakan salah satu tempat yang mempunyai banyak hasil bumi dan merupakan kawasan yang sesuai untuk bercucuk tanam.

Boleh dikatakan kebanyakan penghuni pertama bagi perkampungan adalah orang asli sama seperti sejarah bagi Kampung Pogoh yang mana asalnya adalah perkampungan besar bagi orang asli. Mereka adalah peribumi yang merupakan penduduk terawal yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu. Kebanyakan mereka tinggal di bahagian pedalaman (Huzaimah & Che Zarina Sa'ari, 2005). Saban hari, terdapat banyak perkampungan yang tidak diketahui akan sejarahnya oleh generasi sekarang meskipun ianya tersimpan seribu satu rahsia. Di mana, tujuan perkampungan ini dibina adalah untuk memperkenalkan budaya masyarakat Melayu Nusantara pada zaman sila (Syazwan Yusop, 2021). Oleh disebabkan itu, setiap peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu wajar untuk diketahui dan didokumentasikan untuk simpanan warisan supaya sentiasa diingati.

#### 4.2.2 KELEBIHAN KISAH KAMPUNG POGOHO

Di daerah Segamat, Kampung Pogoh adalah salah satu kampung yang terawal pembukaan. Landskap kampung ini agak berbukit dan berismpang siur serta dipenuhi dengan kebun getah serta tanaman yang lain. Koordinat geografinya ialah 2° 28' 31" Utara, 102° 48' 4" Timur. Terdapat kelebihan dan banyak kisah-kisah yang menarik tentang pembukaan dan asal-usul Kampung Pogoh di mana ramai generasi muda sekarang pada umumnya tidak mengambil tahu. Oleh itu, dengan adanya kajian ini maklumat dapat dikumpulkan melalui pendokumentasian lisan dan akan dapat disebarkan kepada masyarakat. Umumnya, penduduk di kampung itu sendiri mempunyai pelbagai kaum antaranya, melayu, cina dan India. Di sini, kita boleh melihat penduduk di sana dapat hidup dalam kesepakatan dan aman selama berabadnya. Selain itu, kisah tokoh-tokoh perintis seperti Panglima Pasak dapat mengangkat martabat dan kehebatan serta sumbangan tokoh itu sendiri. Di mana, kita dapat melihat kehebatannya dalam mentadbir sesebuah organisasi iaitu Kampung Pogoh itu sendiri dan menangani segala permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, corak pentadbiran, aktiviti ekonomi dan gaya hidup masyarakat di sana telah memberi inspirasi dan membuka mata masyarakat bahawa pada zaman itu sendiri mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan hasil tanaman mereka sendiri walaupun terdapat banyak halangan yang di hadapai oleh mereka.

#### 4.2.3 KEKURANGAN PERISTIWA KAMPUNG POGOHO

Kekurangan maklumat dan pembuktian tentang fakta-fakta pembukaan Kampung Pogoh. Antara faktor yang menyebabkan kekurangan maklumat ini kerana ketiadaan orang-orang lama yang pertama tinggal di situ dan maklumat yang diterima hanya dari anaknya sahaja. Natiujahnya, maklumat tersebut tidak dapat merungkaikan dengan lebih teliti dan faktor umur juga menyebabkan pengkisah terlupa nama-nama tokoh yang lain dan keturunannya. Di samping itu, kekangan untuk melawat tempat-tempat peninggalan yang ada di Kampung Pogoh. Ini kerana tempat peninggalan sejarah seperti masjid yang pertama di bina di kampung itu sudah usang dan dimamah usia. Selain itu, tempat pelabuhan zaman dahulu juga telah dipenuhi dengan semak-samun yang semakin membungkit seperti hutan. Ini menyebabkan sukar untuk melihat dan melawat ke tempat itu untuk membuat tinjauan. Jika tempat-tempat peninggalan tersebut dapat di ambil gambar, ini akan dapat menguatkan lagi bukti dan fakta tentang kisah disebalik nama kampung dan pembukaan Kampung Pogoh itu sendiri.

#### 4.2.4 KEPENTINGAN KISAH SEJARAH KAMPUNG POGO

Setiap peristiwa yang telah berlaku mempunyai kepentingannya tersendiri kerana ia boleh dijadikan sebagai peringatan terhadap generasi akan datang. Kampung Pogoh mempunyai banyak kisah yang menarik yang sekarang ini masih ramai tidak mengetahuinya walaupun mereka sudah lama menetap di Segamat yang merupakan bumi bertuah. Dengan peristiwa sejarah yang berlaku di kampung ini dapat membuatkan ramai orang akan mengingati bahawa ramai pahlawan yang asalnya daripada Kampung Pogoh yang masih teguh akan semangat juang mereka. Dahulunya, kampung ini kaya dengan hasil pertanian yang telah berjaya di eksport serata negeri, jadi adalah pentingnya untuk meneruskan dan menjaga hasil bumi yang ada di kampung tersebut. Ciri-ciri khas yang ada di kampung ini juga, dapat menarik minat orang ramai untuk mengetahui dengan lebih lagi jika ramai pihak memperkenalkan Kampung Pogoh.

**TRANSKRIP  
TEMUBUAL  
BERSAMA  
RESPONDEN**



## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA RESPONDEN

**AU: Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan berkenaan Kampung Pogoh. Bersama-sama kami adalah Encik Abdul Halim bin Yusuf yang merupakan pengkisah bagi Kampung Pogoh. Temubual dikendalikan oleh saya Nur Amirah Uzma binti Razak dan juga rakan saya Nurul Arissa binti Muhamad Zamri. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

HY: Waalaikummusalam.

**AU: Okay pertama sekali saya nak tanya la latar belakang diri Encik Halim. Apakah nama penuh dan ada tak [tidak] nama gelaran Encik Halim kat sini?**

HY: Nama gelaran orang panggil Halim aje [sahaja] - - Nama penuh saya Abdul Halim bin Haji Yusof berasal memang kampung ini dan lahir disini sudah pun berkahwin dan mempunyai anak dan cucu.

**AU: Berapakah umur Encik Halim?**

HY: Umur – enam puluh [60] tahun.

**AU: Memang - - tempat lahir encik di Kampung Pogoh ke?**

HY: Dekat Kampung Pogoh.

**AU: Apakah pekerjaan Encik halim sekarang ni?**

HY: - tapi lepas bersara ni usahakan kebun aje [saja].

**AU: Usahakan kebun...**

HY: Ya (mengangguk)

**AU: Jadi berapa lamakah Encik Halim menetap di Kampung Pogoh?**

HY: Kalau menetap \_ \_ dari lahir sampai sekarang ini la.

**AU: Dari lahir sampai sekarang memang asal Kampung Pogoh?**

HY: Memang asal Kampung Pogoh.

**AU: Berapakah orang bilangan adik-beradik Encik Halim?**

HY: Adik beradik yang ikutnya ada enam belas [16] tapi yang ada sekarang ini - - tiga [3] dan meninggal tinggal tiga belas [13] lah.

**AU: Tiga belas semua sekali.**

HY: Ya (mengganguk)

**AU: Berapa orang anak Encik Halim?**

HY: Anak saya tujuh [7], cucu empat [4], dua [2] dah berkahwin (gelak kecil).

**AU: Lepastu saya nak tanya tentang sejarah pendidikan Encik Halim lah. Dari sekolah rendah ke sekolah menengah sekolah kat mana.**

HY: Oh... dulu asal sekolah rendah sekolah kampung Sekolah Kebangsaan Pogoh lepastu [selepas itu] naik menengah di sekolah - - apa Paduka Tuan – sampai tingkatan tiga [3] sahaja. Pastu [selepas itu] saya tidak meneruskan – dan teruskan bekerja mengikut mana-mana tokey [ketua] kontrak apa semua dan akhir sekali barulah saya dapat ditawarkan bekerja di Majlis Perbandaran Segamat (MPS). Pada mula saya bekerja tahun pada bulan satu [1] tahun sembilan belas sembilan puluh tiga [1993] - - dan selama tiga puluh [30] tahun lah saya bekerja dan – usia saya sampai 60 tahun barulah bersara. Ya (mengganguk) dan dapatlah saya berkhidmat selama tiga puluh [30] tahun dengan Majlis Perbandaran. Alhamdulillah badan sihat (gelak kecil).

**AU: Okay, selepas itu saya nak tanya tentang penglibatan dalam Persatuan Sejarah Segamat.**

HY: (mengganguk)

**AU: Okay macam berapa lama dah Encik Halim menyertai persatuan?**

HY: Okay persatuan ni dah lebih kurang dalam lima enam [5] [6] tahun juga – masatu Encik Hisyamudin dia pun dari UiTM dialah yang mencadangkan untuk membuat satu sejarah di dalam Segamat ni - - jadi sayalah orang yang pertama yang berjumpa untuk mengembangkan lagi lah apa yang dia nak. Tapi saya dapat menerangkan apa yang saya tahu aje [sahaja] daripada orang lama lama kan \_ sebab saya boleh tahu sebanyak sedikit sebab saya bercampur dengan orang tua-tua lama.

**AU: Oh... (sambil mengganguk)**

HY: Jadi diaorang lah yang bercerita kisah-kisah dia. Tapi kalau ikut dalam - - sejarah Kampung Pogoh ini sebagaimana yang kita tengok cerita kisah kisah dulu eh, kisah-kisah lama pahlawan-pahlawan begitulah – adanya dalam kampung dulu –

**AU: Okay lepastu [selepas itu] dalam persatuan ni apa tugas Encik Halim?**

HY: Tugas saya cuma untuk yang – kita menyampaikan je (gelak kecil).

**AU: Apakah yang mendorong Encik Halim untuk menyertai persatuan ni?**

HY: Oh...

**AU: Encik Halim minat dengan sejarah ke?**

HY: Yang pertama memang minat pasal sejarah. Yang kedua kita nak mengingatkan lagi yang mana yang lepas kepada pelapis baru - - yang baru ni tak jumpa, tak dengar. Jadi macam tu lah saya – akan terangkanlah yang mana yang saya tahu. Sekurang – kurangnya sejarah tu takde [tiada] di telan zaman. - - jadi kalau nak ikutkan kisah dia yang sebenarnya memang kita tak nampak cuma dengar daripada atasan pelapis-pelapis lah sampai kepada saya ni mungkin ada yang kurang ada yang lebih.

**AU: Kejap... (berhenti seketika)**

HY : Seribu lima ratus tahun [1500] dah adanya di Kampung Pogoh ni - -

**AU: Okay saya teruskan lagi. Bolehkah Encik Halim ceritakan tentang asal usul pembukaan Kampung Pogoh. So [jadi] nama Kampung Pogoh ni ambil daripada nama apa dan dimana?**

HY: (menggantung) sempena hmm Pogoh ni adalah nama seorang. Seorang tu dia dulu merantau jadi datang ke sini – jadi nama dia Teguh. Tu dulu yang banyak panggil atuk Teguh tapi nak - - diringkaskan nama dia tu. Itu dipanggil nama Kampung Pogoh. Jadi sebutan orang tu Pogoh la haa. Bila Pogoh – dulu kan banyak orang pindah-randah jadi bila kata menetap aje [saja] itu diorang bartanya lah \_ \_ kita menetap di rumah Pogoh. Rumah Pogoh tu ada rumah satu orang tua tu kawasan – sebab tu disitu wujudnya kawasan surau. Jadi yang mana-mana yang belajar yang apa semua tu datang ke surau lah.

**AU: Ya**

HY: Jadi kalau ikut asal memang dah ada orang dulu lah iaitu orang asli. Haa jadi asli tu bukan yang asli kita tengok dalam hutan tu kan. Tak. Asli –

**NA: Asli yang memang betul-betul asli lah?**

HY: Ya orang melayu ni dia yang memang tiada agama, dia mengikut atuk nenek moyang. (AU dan NA menggantung bersetuju) bila ikut ada je, jadi – tapi dia memang orang melayu tapi dia mengikut adat. Jadi orang yang agama sana, ikut agama sana. Jadi takde [tiada] pendirian agama.

**NA: Jadi turun menurun lah?**

HY: Turun menurun... Jadi asal yang datang yang mana tu bawak la agama datang \_ barulah diaorang ada pendidikan agama sebab apa yang saya masih ingat lagi pada

tahun tujuh puluh [70] an, masatu banyak guru-guru agama yang datang ke rumah mengajar mengaji\_ \_ mengajar tajwid macam-macam. Jadi yang mana yang tak tahu ni belajar ke luar. Sampai ke Kelantan, mengaji pondok. Balik ke mari diorang akan mengajar balik. Itu yang saya dapat memahamkan bahawa betullah apa \_ agama dulu tak \_ \_ tapi dia agama apa bangsa keturunan aje [saja].

**AU: Maksudnya dulu diaorang dulu takde [tiada] agama lah kan?**

HY: Dia semua agama ikutan je. Macam tu tapi pada kemajuan dia tu pada tahun enam puluh [60] an dah ada kemajuan lah tentang agama ni. Memang banyak la ulama, lebai-lebai dah banyak – jadi yang mana banyak belajar - - jadi yang mana mak bapak [ibu-bapa] hantar anak dia ke Arab Saudi ke hantar mana-mana - - seperti macam Datuk Nuh Badud kan mufti Negeri Johor (AU dan NA menganggu bersetuju) kan. Dia berasal dari orang sini juga. Macam tu contoh \_ belajar dia Yaman, Jordan, mana. Jadi balik dia akan mengajar balik pada penduduk. Jadi kefahaman agama memang kurang lah - - jadi Kampung Pogoh ni dulu banyak orang pendatang - - tu yang cakap asalnya asli tu memang orang asli lah tapi asli melayulah \_ \_ \_ tapi yang pendatang tu tadi daripada Muar daripada Indonesia merata datang - -

**AU: Oh...**

HY: Masa dalam jajahan Muar, masa tu - - diperintahi Raja Ali.

**AU: Raja Ali?**

HY: Ye Raja Ali (mengangguk) \_ \_ istana dia di Tanjung Puteri Muar kan - - dulu dalam jajahan dia, Segamat belum ada lagi. Belum wujud lagi Segamat. Segamat di bahagikan separuh Negeri Sembilan. Separuh jajahan Muar. Dulu bukan dia panggil daerah Muar tapi jajahan Muar - - apabila Sultan Mahmud yang daripada Melaka dia lari di kejar oleh Protugis jadi dia - - dah lewat malam. Dia nak masuk ke Pahang tapi tak sempat dia masuk ke Kuala Segamat - - sampai je di kawasan Lubuk Batu, masa tu belum ada lagi Lubuk Batu, dekat situ - - dia bermalam di situ. Dia berasa penat sebab tu dia apa basuh muka, minum air sungai tu terlalu sejuk – jadi dia rasa teramat segarnya diri dia - - tu amat segar kan. Jadi sempena amat segar \_ \_ segarnya amat tu panggil Segamat.

**NA: Memang dari situlah datang nama dia?**

HY: Tu atas nama Segamat tadi berpunca daripada situ. Tapi asal nama dulu memang banyak - - pengkalan \_ \_ macam Pengkalan Esah macam-macam lah. Jadi dekat Lubuk Batu memang dia – lubuk tu memang dalam batu jadi tu sebab sejuk. Tu panggil Lubuk Batu tu, memang dalam.

**AU: Okay.**

HY: Jadi dia ada satu Temenggong tu tapi dah lupa \_ \_ Panglima Tepok tu pengiring Sultan lah - - jadi dia melewatkan Protugis mengejar sultan dia berperang dekat kawasan biawak nama tempat tu Padang Biawak. Padang Biawak hilir sini lah tak jauh. Tengah-tengah berperang masatu dia - - kene tembak dengan meriam kaki dia tepok tapi dia tak – lepas dari Lubuk Batu jadi sultan pun cakap pada dia tak payah dia mengikut sultan sampai ke Kota Tinggi.



**AU: Emm...**

HY: Jadi sultan terus ikut sungai, sungai Kuala Segamat tu terus Kota Tinggi dia lari lah. Dia lari bersama Hang Nadim. Hang Nadim tu adalah anak Hang Tuah - - bawak – dia arahkan Panglima Tepok tu duduk di Segamat barulah \_ bendahara. Itu yang \_ bendahara jadi \_ bendahara. Jadi bendahara tadi memerintah mengambil hasil hantar ke Kota Tinggi - - sampai di Kota Tinggi, sultan membuat istana dekat sana pastu [selepas itu] Johor Bahru belum ada. Kota Tinggi tu di panggil Johor mula-mula.

**AU: Okay, kat Kampung Pogoh ni siapakah tokoh dia? Tokoh perintis ni dia yang boleh mewakili sebagai Kampung Pogoh lah.**

HY: (gelak kecil) tapi dulunya memanglah terkenal dengan banyak panglima-panglima, pendekar-pendekar.

**AU: Antaranya?**

HY: Antaranya tu la dia kata dulu macam – bila kata seorang pendekar tu dialah dilantik menjadi penghulu lah, penghulu untuk mengutip hasil apa semua hantar ke istana Johor. Macam tu, jadi bila hantar pendekar-pendekar ni semua bukannya asal orang Kampung Pogoh. Tak.

**AU: Jadi asal mana?**

HY: Pendekar ni daripada Pahang, daripada mana-mana lah –

**AU: Jadinya campur lah?**

HY: Campur. Jadi di Pogoh ni macam banyak lanun ye banyak \_\_ hasil tak bagi jadi dia hantar pendekar tadi. Pendekar tadi secara kekerasan lah - - pulak tu apabila menetap di kampung ni orang lain tak berani nak masuk sebab ada pendekar. Tak berani apabila tak berani wujudnya macam dia tadi berada di \_\_ jadi sultan pulak. Bila jadi sultan, harta dia ambik lepastu [selepas itu] sultan murka, hantar panglima lain untuk musnahkan dia. Macam tu lah seterusnya berlaku di Kampung Pogoh.

**AU: Kampung Pogoh –**

HY: Itu banyak keturunan pahlawan.

**AU: Dekat Kampung Pogoh ni?**

HY: Ye. Macam tu – (gelak kecil)

**AU: Lepastu [selepas itu], kan ada kisah Panglima Pasak. Apa kaitan Panglima Pasak dengan Kampung Pogoh ni?**

HY: Tulah dia hantarnya Panglima Pasak tadi untuk mewakili ambik hasil tapi itu lah bila dia kata rasa dia bangga, dia rasa dia kuat jadi dia pun - - jadi raja, jadi sultan jadi hasil tu dia tak \_ \_ \_ hantar ke istana untuk diri dia, untuk pakai dia lah. Maknanya bebas sebab dia ni memang handal, kebal, boleh hilang, macam-macam lah. Pasal dia gunakan ilmu hitam. Nama sebenar dia tu saya tak berapa ingat tapi kerana dia gelaran pasak tadi, dia mati dekat lubang tu, dekat ada satu lubang tu kemudian dia mati dipasak dengan buluh.

**AU & NA: Oh.....**

HY: Tu masa saingan dia daripada Pahang, panglima juga dihantar oleh sultan untuk musnahkan dia tapi kerana dia \_ dia tahu kelemahan panglima tadi, dia berkawan-kawan jadi panglima tadi ni tahu yang tujuan nak datang ni nak bunuh dia tapi dia masing-masing tahu rahsia dia sebab tak boleh nak bunuh sebab kekebalan dia. Jadi nelayan bawak menjala di tasik - - apabila sampai di tasik, jala tersangkut jadi rakan ni suruh menyelam. Apabila dia menyelam dia buluh tadi dia pasak dekat leher ni tekan ke lubang. Itu dipanggil pasak. Dipanggil sempena lubang pasak dan nama dia pun pasak gelaran dia – sebenarnya dia berasal dari orang Bugis.

**AU: Panglima Pasak ni orang Bugis?**

HY: Orang Bugis sebab keturunan dia banyak kat sini sebab keturunan dia orang Bugis.

**AU: Jadi keturunan dekat sini ada lagi lah keturunan-keturunan dia?**

HY: Banyak, ramai keturunan dia. Kira dah baru berapa, baru empat lima [4] [5] generasi lah. Belum sampai tujuh [7] lagi. Ramai lagi. Jadi keturunan panglima cukup ramai dekat sini. Bukannya kata nak kita cerita sini, kalau di mana pergi Kelantan, Terengganu pun terkenal, tahu kalau sebut Pogoh memang dah tahu. Memang Pogoh ramai pahlawan sebab itulah - - saya sangkut kat Terengganu, duduk sekolah Terengganu masa banjir - - jadi dia pun tanya asal daripada mana? Saya pun cakap Pogoh, Segamat. Oh Pogoh dia tahu dah kata dia jadi dia pun tunjuk parut di perut dia.

**AU: Oh.**

HY: Ini kata dia - - kena kerambit. Dia berlawan dengan orang Pogoh (gelak kecil) jadi maknanya – memang nak membangun payah. Kampung Pogoh payah nak membangun tak macam tempat lain cepat bangun apa semua sebab Pogoh memang payah sampai sekarang ni pun lembab sebab diaorang bangga di pahlawan (gelak kecil). Itu yang puncanya - - jadi orang luar nak datang memang tak berani cuma yang boleh kebebasan dalam Kampung Pogoh ni yang masih saya teringat - - mula asal dari tahun Sembilan puluh an [90] lagi. Sebelum Sembilan puluh [90] an tu payah orang nak masuk.

**AU: Sebab ada pahlawan-pahlawan ni –**

HY: Tapi kata orang sekarang ni *gangster* [samseng] lah.

**AU: Oh gangster [samseng] lah.**

HY: Ye, dulu kaki pukul - - kalau orang luar je masuk mengorat anak dara memang tak lepas balik.

**AU: Memang akan duduk kat sini lah? Ke –**

HY: Kene belasah lah (gelak kecil) macam tu. Itu tapi bila kata naik tahun Sembilan puluh [90] an - - undang-undang kerajaan dah ketat dia dimansuhkan yang mana banyak *gangster* [samseng] tadi banyak dah keluar pergi Kuala Lumpur, pergi Singapore jadi lapisan baru tiada di lapik dengan ajaran tadi - - tu yang dimansuhkan tadi makna takde [tiada] lagi dah – zaman harini darah pahlawan memang ada.

**AU: Memang ada kat kampung ni lah.**

HY: Ada (gelak kecil). Pantang dicuit melenting (gelak kecil). Jadi memang ada – jadi kalau ikut daripada kisah dulu pun di Kampung Pogoh ni memang tiada – Masa Jepun menyerang dia tak masuk Pogoh. Komunis pun tak masuk Pogoh.

**AU: Takut ke?**

HY: Dia tak boleh lepas –

**AU: Tak boleh masuk –**

HY: Dia apabila nak masuk Pogoh, sempadan sungai jambatan. Sampai je di jambatan dia Nampak api - - dia tak boleh masuk. Kalau tadi macam Komunis Jepun tu samalah. Dia nak masuk dia nampak api sebab dalam Kampung Pogoh di jaga oleh Pawang dengan dia jaga oleh panglima-panglima. Tapi kuat pada pawang lah, memang – di setiap jalan masuk ada sungai, setiap jambatan tu sampai situ je dia boleh - - sebab tu di dalam Kampung pogoh ni banyak dulu Cina di bandar tu - - anak dia di beri orang melayu di Pogoh. Anak perempuan dia bagi orang jaga sebab nak selamat.

**AU: Oh macam tu.**

HY: Sebab Cina ni bila Komunis datang -- dia takut dia serah pada orang Melayu - - dia pun bawak anak lelaki bawak lari macam tu. Kampung Pogoh tulah paling banyak anak angkat Cina - - sebab dia tahu selamat duduk sini (gelak kecil).

**AU: (gangguan bunyi)**

HY: Tapi kira jagaan Pawang tadi dalam Kampung Pogoh ni berakhir di tahun sembilan puluh [90] an juga.

**AU: Kiranya macam mana keadaan Kampung Pogoh semasa awal pembukaan kampung ini? Kampung ni macam mana keadaan dia? Masa mula-mula dulu.**

HY: Mula-mula dia ni memang hutan ye. Hutan jadi - - masing-masing ni yang datang pun macam suka berkebun duduk lah buat - - tanah tu tiada di bayar cukai – dia buat dia punya lah. Jadi dia tak suka tu dia pindah sana sini. Berpindah – pindah lah kalau ikut tu tadi daripada asal memang dah ada pahlawan cukup ramai. Ramai orang itu yang - - ada satu tahun tu saya tak berapa ingat tahun berapa tapi rasanya tahun lapan belas lapan puluh [1880] an kene satu wabak. Wabak tu sekarang dipanggil macam kita kena Covid-19 kan. Jadi wabak yang dorang kena sakit raja.

**AU: Sakit raja?**

HY: Ye. Sakit raja ni dia elok-elok macam ni tiba dia sakit perut meninggal.

**NA: Puncanya tak tahu sebab apa?**

HY: Dia macam kalau senang cakap macam taun kan. Taun la seumpama macam tu tapi dia bukan macam taun. Wabak tu di panggil sakit raja.

**AU: Puncanya tak tahu lah daripada mana?**

HY: Tak tahu. Jadinya di Kampung Pogoh inilah yang banyak berlaku – satu hari lima [5] orang meninggal, enam [6] orang meninggal satu hari.

**NA: Masalah sakit perut sahaja?**

HY: Daripada macam demam - - demam maracau dah – tapi kebanyakan yang berlaku tu di demam, dia cakap dengan keluarga dia, dia nak makan buah durian. Jadi musim tiada, dia cakap nak makan je, keluarga tu pergi cari durian ada jumpa sebiji

**NA: Cakap terus dapat?**

HY: Ada. Nak makan manggis, pergi dekat pokok manggis, ada. Macam tulah –

**NA: Walaupun bukan musim lagi lah.**

HY: Dia sebiji je ada. Macam tu – ini dapat cerita daripada atuk sayalah sebab atuk saya ni cerita - - ramai yang lari daripada kampung ni takut wabak tu.

**AU: Disebabkan wabak tu?**

HY: Pergi ke Gudang Karam. Pergi ke Tenang. Tu yang bukaknya Kampung Tenang. Tu bukaknya Kampung Gudang Karam di Pekan Jabi. Jadi asalnya semua orang sini - - jadi –

**AU: Jadi dia keluar dia bukak kampung lain-lain?**

HY: Kampung lain-lain. Tapi dia duduk sana dia tak kena wabak tu. Kebanyakan yang banyak di Kampung Pogoh ni kalau jumpa banyak kubur, bersepah kubur. Pasal



kubur tu la mati kene wabak tu. Kadang satu kawasan kubur tu beratus - - (gangguan bunyi) dia kalau ikutkan banyak sejarah - - bila kata nak lari daripada wabak tadi tu yang berpindah-randah. Macam - - kalau ikut yang kata tadi Tok Jodan, Tok Tenang itu semua adik-beradik dia lah.

**AU: Oh, adik beradik dia.**

HY: Asal daripada Sumatera. Itu bila di bukak je Tenang kat sana itu semua orang mengikut je tenang. Nama pun nama sempana orang juga. Tenang tu – Ni ada satu lagi kisah di Bukit Limau Manis, tak jauh daripada sini seberang Pogoh, Bukit Limau Manis, Jodan. Bukit Limau Manis ni, dia macam pulau dulu.

**NA: Oh, pulau dulu?**

HY: Dia macam pulau lah - - tapi yang sampai ini hari orang tak tahu sebab-sebab dia. Orang perempuan tak boleh melahir kat situ - - sampai ini hari. Tak boleh melahirkan anak di kawasan pulau.

**NA: Kalau bersalin akan gugur ke tak boleh?**

HY: Tak boleh. Di bila mengandung nak beranak sangat tak boleh beranak. Dia keluar je daripada kawasan tu boleh beranak. Kadang masa tu banyak naik perahu \_ kenderaan. Beranak dalam kenderaan - - itu nama dia Bukit Limau Manis. Sampai ini hari orang tak dapat kesan punca sumpahan tu orang tak boleh beranak dekat

sana - - kisah tu pun taka da berapa tahu sangat kan - - tapi tula sejarah Pogoh ni macam-macam yang pelik-pelik sikit.

**AU: Pastu [selepas itu], kiranya penduduk dekat Kampung Pogoh ni berapa? Dalam kiraan berapa orang?**

HY: Kalau ikut dalam tak ramai lah lebih kurang dalam - - tiga ratus [300] orang lebih kurang.

**AU: Okay tiga ratus [300] orang.**

HY: Ya, kalau ikut Pogoh ni dah banyak dipecahkan.

**AU: Dia ada Pogoh Tengah, Pogoh \_ tu kan.**

HY: Betul, dia asal Pogoh Satu [1]. Pogoh Dua [2], Pogoh Tiga [3]. Pogoh Satu [1], Paya Kulai, Pogoh Dua [2] yang dimaksudkan yang kawalan Pogoh Dua [2]. Pogoh Dua [2] ni memang payah orang nak masuk.

**AU: Sini Pogoh Dua [2] lah?**

HY: Pogoh Dua [2] lah - - apabila kata penduduk tu dah ramai, jadi dia pecahkan lagi jadi Pogoh Tengah. Jadi Pogoh Dua [2] dah dipecahkan bahagian lah. Tujuan pecah bahagian ni adalah nak ada tambahan ketua kampung, tambahkan ADUN. Itu yang dipecahkan - - bukannya apa kalau diikutkan senanglah kawalan ketua kampung yang ada buat pecahan kan. Kalau ikut tu dah naik lapan [8] kampung.

**AU: Lapan [8] kampung semua sekali?**

HY: Ya. Dia mukim Pogoh. Lepastu kampung tadi lapan [8]. Pogoh Satu [1]. Pogoh Dua [2], Pogoh Tiga [3] samapai Pogoh lapan [8] da nada lagi Pogoh Tengah. Dah sembilan [9] lah - - jadi maknanya ada sembilan [9] ketua kampung. Ada satu penghulu. Tempat lain tak, satu mukim tu, satu penghulu ada tiga [3] kampung kat kampung je. Tapi di Pogoh ni satu [1] mukim sampai sembilan [9] ketua kampung. Macam tu –

**AU: Sebab kawasan dia besar ke apa?**

HY: Jajahan dia besar.

**AU: Sebab tu dia pecah-pecah macam tu.**

HY: Ya - - dia itu jajahan tu tadi. Macam tadi lah bila kata dia pindah buat satu kampung, pindah sini buat satu kampung sebab tu satu-satu tempat tu nama dia lain-lain. Macam Pogoh tiga [3] tadi Kampung \_\_, Kampung Jodan tu Pogoh Tiga

[3]. Pogoh Empat [4] tadi \_ Raya, Paya Besar jadi dia – tapi dalam mukim satu [1] penghulu.

**NA: Satu penghulu sembilan [9] kampung.**

HY: Ya (gelak kecil). Di \_ mukim lah, tu dia panggil mukim.

**AU: Mukim tu lain-lain kan?**

HY: Dalam daerah Segamat ada berapa mukim? Ada empat [4] mukim. Makna empat [4] mukim ada empat [4] penghulu. Satu mukim tadi – kalau macam Pogoh ada pulak sembilan [9] kampung, sembilan [9] ketua kampung. Di tempat lain macam di mukim Jabi ada empat [4] je kampung, ada empat [4] ketua kampung, satu [1] penghulu. Dia kan ikut pada susulan dia - - macam sultan bawah pada sultan tadi yang diberi tugas pemerintah \_ Pegawai Daerah. Setiap satu [1] daerah, satu [1] je Pegawai daerah. Lepastu dalam daerah tadi ada berapa mukim sebab tu dia lantiknya penghulu. Kalau ada empat [4] mukim, ada empat [4] penghulu. Lepastu satu [1] mukim tadi, ada berapa kampung. Dia wakil kepada ketua kampung pulak. Sebab tu ibarat ikut pada zaman nabi, nabi khalifah apa semua kan. Jadi samalah susunan dia. Daripada ketua kampung tadi ada pulak wakil dia, AJK kampung. Jadi ikut - - senang perjalanan dia. Macam dulu kan zaman dulu dia panggil - - naib, \_ kan. Tapi ini itu lah dia penghulu, ketua kampung, ahli jawatankuasa, mewakili ketua kampung ni dia panggil ketua kawasan lah (gelak kecil).

**AU: Kiranya yang penduduk duduk kat sini semuanya kerja kat kampung ni ke, kirenya dia berkebun jugak ke, ada hasil tanaman sendiri ke?**

HY: Ye, dia kebanyakannya di kampung ni memanglah berkebun dan hasil sendiri yang mana dah ada kerja dengan kerajaan, ada jugak yang dah keluar tempat lain banyak juga - - pergi ke macam apa merantau ke bandar besar Kuala Lumpur. Berniaga banyak juga.

**AU: Lagi satu memang asal dia memang orang melayu Islam ke atau campur-campur dengan bangsa lain? Masa mula-mula dulu.**

HY: Kalau ikut dulu mula-mula Pogoh dulu orang Melayu - - kalau ikut Islam yang datang tu \_ yang asal tu belum Islam lagi - - tapi bila datang je wujud je baru ada Islam - - Islam kalau ikut yang pertama Pogoh lah dulu Islamnya (gelak kecil).

**AU: Pastu macam mana yang agama lain datang ke –**

HY: Tak, dia dulu asal memang tiada agama – dia kan kalau dulu kan nak dibanding wujudnya satu di - - contoh eh kalau di pulau. Macam di Mersing. Orang melayu Mersing bila kata dia cari ikan di tepi-tepi lautan kalau dia tak boleh balik ada pulau dia bermalam di pulau. Bila bermalam di sana dia buat pondok. Bila dia buat pondok jadi - - kemudian dia balik seminggu dia pergi lagi duduk sana. Bila dah duduk sana dia dah bawak dah beranak-pinak. Apabila berlakunya di pulau tadi - - begitulah asal yang berlaku di Kampung Pogoh. Di pulau tu bila kata ada tempat lain yang datang, duduk kat pulau datang - - bila datang tadi orang yang asal tadi siapa, jadilah ketua kampung di situ. Bila ketua kampung tadi kalau pendidikan dia tiada agama, dia banyak mengikutkan - - adat.

**AU: Kepercayaan?**

HY: Kepercayaan atau nenek moyang. Dia ikut lah adat dia. Bila kata dia ketua kampung dia ikut adat, ni tak boleh nanti hantu datang, jadi kebanyakannya macam tulah. Asalnya di Pogoh mula-mula wujud macam tulah.

**AU: Sekarang ni memang Melayu je ke atau campur-campur?**

HY: Kira senang cakap *majority* (kebanyakan) orang Melayu. Dia melayu Islam lah tapi Melayu Islam keturunan (gelak kecil). Faham ye keturunan Melayu Islam (gelak kecil) sebab tu biar lebih baik orang mualaf baru masuk Islam - - mualaf ni kalau kita \_ keturunan itulah banyak yang kita abaikan sebab kita dah yakin pada Islam tapi hakikatnya belum - - yang mualaf ni dia betul-betul dia belajar tentang agama. Dia yakin pada agama – kebaikan dari mualaf banyak lebih baik ibarat kita orang Melayu dalam Bahasa Melayu tak lulus, kita orang Melayu tapi Bahasa Melayu tak lulus. Orang Cina ambik Bahasa Melayu dapat A sebab dia belajar ambik betul-betul Bahasa Melayu yang kita ambil guna bahasa baku - - bila bahasa ibunda mana ada dalam Bahasa Malaysia (gelak kecil).

**AU: Kan Encik Halim cakap ramai Orang Cina bagi anak di dekat sini kan? Selepas tu, dia ada dekat sini lagi ke atau duduk dekat sini lagi, diaorang memang tak tahulah kan keluarga asal dia?**

HY: Ye tak tahu tapi bila memang duduk sini dengan bapak angkat. Bila dia dewasa dia kahwin dengan orang sini juga.

**AU: Oh, orang dekat sini juga?**

HY: Orang sini juga kahwin.

**AU: Lepastu, duduk dekat sini juga?**

HY: Sama duduk di kampung ni dah ada anak, ada cucu. Tapi generasi tu dah banyak meninggal yang saya kata anak angkat tu tadi dah meninggal cuma yang tinggal cuma satu orang je lagi di kampung sini. Tu sekarang ni dah jumpa - - nama dia Rahimah lah - - yang ada anak angkat bangsa Cina kan, dia lah sorang yang tinggal. Kalau ikut kan dulu ramai, yang nama Tom, nama Tim yang nama Simun banyak tapi semua dah meninggal dah. Tinggal anak dan cucu tapi kebanyakan tulah dia. Duduk sini dan kahwin pun dengan orang sini - - tapi tulah yang bagus campuran tadi itulah yang datang kemajuan kalau asal yang dari kampung ini juga, atuk nenek tadi orang Melayu memang kemajuan otak dia lembab. Yang tadi kahwin dengan anak angkat Cina, anaknya semua ada kemajuan.

**AU: Pandai?**

HY: Pandai, pemikiran dia – banyak. Kebanyakan semua macam tu. Dapat - - senang cakaplah mak saya pun asal anak orang Cina yang diberi orang lah asalnya.

**AU: Oh. Kira mak Encik Halim pun Cina.**

HY: Cina, pun dah meninggal. Macam tu jadi tak sama pemikiran dan pergerakan yang ada \_ sebab kita sendiri pun dapat nilai tengok. Bukannya dia katakan atas kita kejar pada dunia, tak - - maknaya yang pertama pandangan kita \_\_ dua puluh [20], tiga puluh [30] tahun depan. Kalau yang mana keturunan Melayu ni dia tak pandang macam tu, dia pandang besok sahaja (gelak kecil).

**AU: Betul (gelak kecil).**

HY: Bukan kita menidakkan tapi kita ceritakan itulah pemikiran seseorang - - sebab saya pernah dengar ni di kampung ni dulu Jepun.

**AU: Jepun?**

HY: Ye, ni Jepun dulu sebelum - - Jepun jajah Malaysia (gangguan bunyi notifikasi telefon) – dia pun menjajah Malaysia – (gangguan bunyi notifikasi telefon)

**AU: (gelak kecil).**

HY: Sampai mana tadi? (gelak kecil)

**AU: Cina dengan Melayu.**



HY: Oh yang Jepun tadi tu ye. Jadi Jepun ni - - sebelum dia serang dunia, dia hantar dulu pangkat dia *Major* [bidang/pangkat] datang ke mana- mana negeri. Macam semenanjung kan yang dia hantar setiap di semenanjung tu semua ada. Kelantan semua ada, dia tugasan dia untuk buat pelan jalan apa semua untuk serangan dia masuk - - jadi tugasan buat pelan yang dia tadi akan masuk dalam kampung jual – masatu dia naik basikal jual gula-gula, makanan budak-budak jadi bila dia masuk semua kampung lorong. Semua lorong dia masuk sebab dia nak tahu pelan dia. Dia lukis pelan lah.

**AU: Jadi –**

HY: Jadi bertahun lamanya - - jadi dia pun berkahwin dengan orang kampung ni. Macam \_ dia kahwin dengan orang Kampung Pogoh yang pangkat dia *Major* [bidang/pangkat], kahwin dengan orang Pogoh. Bila berkahwin dapat seorang anak. Anak dia lelaki. Harini nama anak lelaki dia tu Ibrahim - - Ibrahim nama dia. Nama dia nama Muhammad. Bila kata kahwin je bubuh [letak] nama dia Muhammad. Lepastu nama dia Ibrahim bin Muhammad. Sekarang ni cikgu. Sekarang ni umur dia dah sembilan puluh [90] tahun. Itulah - - itulah satunya keturunan Jepun yang ada. Bawah ni kebun dia, banyak lah kebun dia. Sebab tu otak Jepun ni dia - -

**AU: Berkembang?**

HY: Ye berkembang sebab pernah juga pepatah Jepun berkata “kalau nak beli, belilah otak orang Melayu” sebab otak orang Melayu ni masih separuh digunakan.

**NA: Sebab tu kita selalu ditindas.**

HY: Ya. Jepun dah tiada lagi, tak jejak. Bila dah tiada ruangan, makna - - dia nak tambah apa lagi tak dapat - - Melayu ni masih separuh, ruangan kosong kan. Sebab apa untungnya Melayu tadi otak dia akan ambil akhir punya Jepun kemajuan dia tambah lagi sebab dia kosong banyak. Tu umpama macam tulah tapi kita pulak tak dapat nak - - maju apa yang kosong tadi. Tu yang budak-budak sekarang dia ubahnya motor Jepun, tambah pulak apanya macam-macam (gelak kecil).

**AU & NA: (gelak kecil)**

HY: Dia pandai dia boleh ubah tapi cara ubah dia untuk bahaya. Dia tiada ambik ubah untuk dunia \_ \_ anak-anak melayu ubah. Asah dah ada. Contoh, kereta dah ada. Okay nak ubah kereta macam mana - - nak ditambahkan motor untuk jadi jet. Haa contoh, banyak - - banyak orang melayu ditukarkan jadi gas jadikan minyak - - umpama macam tulah. Anak melayu sebenarnya otak dia cukup penuh lagi untuk - - masih banyak lagi untuk diisi (gelak kecil).

**AU: Encik Halim saya - - bagi dekat *partner* [pasangan] saya pulak untuk sambung temubual ni ya.**

HY: Boleh-boleh.

**NA: Assalamualaikum, saya Nurul Arissa Binti Muhamad Zamri, boleh panggil Arissa lah.**

HY: Arissa...

**NA: Okay, yang ni bahagian kedua pula yang saya akan tanya. Emm Cik Halim ada cerita mengenai wabak kan?**

HY: Ya

**NA: Jadi, saya tertarik nak tahu lagi pasal wabak tu. Macam mana wabak tu hilang dekat kampung ni? Ke memang hilang macam tu je**

HY: Tapi, yang kisah arwah atuk cerita dahulu, kebanyakan wabak tu yang hilang tadi disebabkan banyak orang yang tinggalkan yang meninggal dikebumikan, yang sihat lari. Jadi, wabak itu akan habis di situ saja

**NA: So, faktornya orang kampung dah lari dari kampung ni lah?**

HY: Iya, iya...

**NA: Sebab takut akan wabak tu**

HY: Jadi, mana yang ada tu mungkin ketahanan dia kuat, dia tak jangkitlah. Tapi memang kalau nak dinamakan wabak itu acik tak taulah sebab arwah atuk dulu cerita dia panggil sakit raja

**NA: Sakit raja**

HY: Iya, sebab sakit raja ni orang yang sakit ni dia memerintah aja

**NA: Ohhhh**

HY: Dia nak tu, dia nak ni. Jadi orang carikan untuk dia. Macam raja

**NA: Haah**

HY: Dia memang sikap dia macam nak marah dan suka memerintah sebab lepas habis pemerintahan dia, dia akan meninggal

**NA: Yang dia mintak tu pelik-peliklah**

HY: Haah pelik-pelik, Haa macam tu, itulah yang dinamakan sakit raja. Macamtu tapi bila dikatakan meninggal tu satu hari paling kurang lima orang

**NA: Lima orang?**

HY: Lima orang, paling kurang. Jadi tak larat kan. Jadi semua lari tak nak duduk dekat kampung ni. Tapi ditempat lain tak tahulah. Tapi berlaku di Kampung Pogoh ni tulah dia satu wabak

**NA: So memang punca utama dari Kampung Pogoh itu sendirilah kan wabak ni**

HY: Iya, di Pogoh tulah mungkin dia lain bawak, tapi tak tahulah tapi berlaku di Pogohlah

**NA: Emm kebanyakkan di Pogohlah**

HY: Haah di Pogoh, sebab itulah dia dulu asal kampung ni, dia memang--- saya ingatlah mungkin kampung yang pertama orang ramai

**NA: Haah (sambil mengangguk)**

HY: Jadi, bila kata wabak datang, jadi orang lari, jadi dah tak ramai kat sini. Jadi wujudnya kampung-kampung lain Haa macam tu. Kalau tidak, tak wujud mungkin lambat lah hahaha (ketawa kecil)

**NA: Faham, sebab orang dah *start* [mula] keluar dari Kampung Pogoh, barulah kampung-kampung lain wujudkan**

HY: Haa wujudnya, tu yang duduk terpencil pasal nak elak dari wabak tadi kalau nak ikut sejarah-sejarah yang sebelum tu memang banyaklah. Contohnya kisah, haa pernah dengar tak kisah pasal hantu kambing?

**NA: Hantu kambing? (terkejut)**

HY: Iyaa

**NA: Yang pernah terjadi dekat Kampung Pogoh jugak ke?**

HY: Iya, hantu kambing

**NA: Oh, boleh ceritakan sedikit**

HY: Hantu kambing ni dulu asalnya orang sumatera, dia datang bukan dari Kampung Pogoh ni dia dari kampung sebelah seberang sungai tu tebing tinggi

**NA: Oh, tebing tinggi**

HY: Haah tebing tinggi, jadi dia berkahwin dengan orang tebing tinggi tapi dia tak punya anak, dia ni hidup tak pernah mandi

**NA: (mencelah) Haa tak pernah mandi? Oh sebab tu nama dia kambing? (ketawa kecil)**

HY: Mungkin lah (ketawa kecil) dia tak pernah mandi, rambut dia panjang dan tak pernah potong katanya bila potong tak lut

**NA: (terkejut) Tak lut? Rambutnya memang tak boleh nak potong?**

HY: Haah, tak boleh nak potong. Jadi banyak orang panggil dia--- orang dulu panggil dia Poyang

**NA: Poyang?**

HY: Jadi nama sebenar tak tahu, tapi kita gelarkan dia poyang lah. Dia pesan dekat isteri dia, kalau dia mati kerat dua

**NA: Haa kerat dua? (terkejut)**

HY: Sebelah tanam seberang sungai, sebelah tanam dekat kampung dia

**NA: Emm sebab dia suruh buat macam tu?**

HY: Dia suruh buat macamtu

**NA: (mencelah) memang dia suruh buat macamtu?**

HY: Dia suruh buat tapi takkan isteri dia nak kerat kan?

**NA: Haah yelah, tak sampai sebab tak sanggup**

HY: Iya, tak sanggup. Kemudian, isteri dia tadi tanam di seberang sana sungai

**NA: (mengangguk)**

HY: Tak dikeratlah sebab seberang tu, seberang sinilah dekat Kampung Pogoh ni sebab Kampung Pogoh ni tempat yang nak ditanamkan dulu, dulukan tempat yang kena wabak kubur banyak

**NA: Oh, jadi tak beranilah nak tanam sini**

HY: Tapi dah ditinggalkan jadi dia tanam kubur yang dekat kawasan hutan, dia tanam situ dia tak keratlah. Apabila, dia tak kerat rupanya sumpahan dia, kalau dia tanam dekat tempat dia, dia jadi harimau

**NA: Oh jadi harimau! (terkejut)**

HY: Kalau dia tanam dekat sebelah tadi, dia jadi kambing

**NA: Sebab tu lah nama dia kambing (ketawa kecil)**

HY: Haah kambing, kalau waktu malam dia keluar sebab arwah atuk dulu cerita, atuk pernah jumpa dia, kalau bulan terang, malam dia lalu dekat kampung ni dan dia mengembek “bek, bek” (bunyi kambing) tapi orang tak nampak dia, pernah tak tengok dalam satu filem, perut ke atas

**NA: Macam penanggal ke? (mencelah)**

HY: Eh bukan, dia jalan sama merangkak



**NA: (terkejut)**

HY: tapi perut dia ke atas, kaki dia bawah berjalan merangkak kepala dia pon bawah lah. Selalu lalu “bek, bek” (bunyi kambing) jumpa orang dia tebuk perut makan

**NA: Allah...**

HY: Haa macam tu, banyaklah orang mati sebab kambing ni makan

**NA: Orang mati sebab kambing ni makan?**

HY: Ya orang, kadang larilah semua. Duduk rumah, dia malam dia jadi hantu lah dia mengembek (bunyi kambing)

**NA: Maksudnye dia ni bukan manusia lah kan?**

HY: Haah dia asal manusia tapi bila dia tanam, dia akan jadi kambing

**NA: Oh! Maksudnya dia hidup baliklah ni**

HY: Masa tu, kisah dia tu pada tahun 50 lebih lah baru dia dimusnahkan oleh orang

**NA: Dimusnahkan orang? Sebab?**

HY: Dia malam dia mengamuk, jadi orang kampung--- ada satu sarjan tu nama sarjan tu Sarjan Johar. Dia berasal daripada Pontian, Batu Pahat dia bertugas di Segamat. Laporan banyaklah pasal hantu kambing. Jadi dia tadi nak tengok dekat mana di

katakan berlaku tu. Jadi dia pergi lah kat kubur tu, kubur tu memang ada dekat kawasan sini.

**NA: Ada lagilah tempat dia tu?**

HY: Haah ada lagi tempat tu tapi dah jadi hutan lah. Jadi, bila kata sampai dekat kubur tu, sarjan nampak dia terjun masuk lubang tu. Sarjan tu pon ambik pelepah palas tu, tutuplah macam buat jaring. Pastu dia kata, “tunggu aku datang nanti”. Jadi, sarjan pon balik Batu Pahat seminggu tu dia datang. Dia bawak bom tangan

**NA: Bom tangan?**

HY: Haah bom tangan, sampai je dekat kubur tadi dia nampak yang dia letak tak terbongkar. Maknanya, dia masih ada dekat dalam lah. Pastu, dia pon baling bom baling bom pastu barulah lenyap

**NA: (mencelah) Oh, barulah mati kambing tu**

HY: Lenyaplah sampai sekarang, tahun 50 lebih tu

**NA: Jadi, itu adalah salah satu cerita mistik lah yang pernah berlaku dekat sini tapi memang terjadi lah, memang wujud pada zaman dahulu**

HY: Haah memang wujud dan terjadi.

**NA: Seterusnya, boleh tak Cik Halim ceritakan mengenai corak pentadbiran bagi Kampung Pogoh pada masa dahulu. Kalau Cik Halim tahu lah serba sedikit**

HY: Dia kalau corak pentadbiran yang pertama memang perkauman yang bersatu hati, bekerjasama dan pastinya ada gotong-royong. Contohnya lah, ada seseorang tu nak buat rumah, jadi semua satu kampung ni akan datang

**NA: Tolong nak buat rumah dia ni lah ye...**

HY: Haah, tolong buat rumah, tolong bawak kan papan, sorang dua keping- sorang dua keping. Siap satu rumah untuk satu orang ni. Haa, corak dia macam tu

**NA: Sampai sekarang, masih ada lagi ke macam tu?**

HY: Sampai sekarang hilangnya berpasukan tadi, akhir benda ini terjadi pada tahun 80-an. Masa tu wujudnya contoh nya dah ada kontrak, adanya yang main sewa – sewa. Wujudnya tu maka musnahlah dalam kumpulan tadi. Contoh macam kenduri kahwin lah kan, satu kampung ini akan berkampung dekat rumah orang tu, daripada seminggu awal dah yang buat balai buat ni semua nak jayakan dalam satu minggu. Dulu tak delah macam sekarang kena ada modal, dulu orang kampung datang bawak gula, garam dan telur. Jadi, tuan rumah tak perlu buat apa-apa. Jadi bila wujudnya katering, tuan rumah tadi tak nak susahkan orang, dia ada duit. Bila kata katering dah buat, jadi orang kampung nak datang pon tak ada nak buat apalah

**NA: Jadi, makin lama makin pudarlah, apa orang panggil tu (tergagap) persekepatan ke? Eah sepakatan (ketawa kecil)**

HY: Haah, betul tu sepakatan diorang makin hilanglah sampailah ini hari

**NA: Tapi dulu memang kuatlah kerjasama diorang kan?**

HY: Iya, memang kuat apa-apa pun, kalau ikut apa yang saya ingat masa umur saya bawah sepuluh [10] tahun, kita dah mengikut bapak kita pergi hari Jumaat pergi

kebun orang ni kemas-kemas besoknya kebun orang ni. Dia macam cara gotong-royong pagi sampai tengah hari tapi petang tak. Jadi macam tu cara, sebab tu dulu kampung ni terang, bersih selalu dari gotong-royong tu lah

**NA: Faham, seterusnya dari segi aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat di awal kampung ini apa ya? Dari segi aktiviti ekonominya**

HY: Aktiviti yang pertama dulu--- hasil dulu ya--- macam getah, pinang, kelapa dan kalau musim buah, buah-buahan lah macam durian, manggis dan langsung lah. Kalau yang berpanjangan tu lah dia getah, buah pinang, buah kelapa, tu lah hasil dagangan lah dan juga diorang dulu kat sini pertamanya dulu banyak batang pinang yang dihantar terus ke Muar. Dulu, digunakan macam orang buat planta tu, haa gelong orang panggil yang tangkap ikan dekat tengah laut tu.

**NA: Oh, yang tu... (sambil mengangguk)**

HY: Dia gunakan pokok batang pinang lah untuk pacak tu

**NA: Dia guna pokok batang pinang tu (keliru)?**

HY: Batang pinang kan dia, panjang-panjang kan. Jadi sebenarnya dagangan hasil nya dulu daripada hasil kampung ni banyak keluaran batang pinang, hasil getah, buah-buahan lah tapi yang lain macam bijih timah tak delah

**NA: So, dari segi ekonomi diorang memang daripada hasil pertanian lah bagi masyarakat dulu punya. Sampai sekarang ke?**

HY: Sampai sekarang masih ada lagi hasil pertanian macam getah dan yang lain

**NA: Selain daripada hasil pertanian macam getah dan pinang. Apa lagi yang ada?**

HY: Macam sekarang ke?

**NA: Haah (sambil mengangguk)**

HY: Dulu sawit tak ada, dulu tu lah yang ada macam kelapa sawit, getah, buah pinang sebab dulu kalau pinang je dia punya eksport tu sampai ke negeri Kelantan, Terengganu yang ambil dekat sini lah. Dulu pinang dia buat batik

**NA: (mencelah) Oh boleh buat batik sekali?**

HY: Air pinang tu, dia buat air cop batik

**NA: Sebagai dakwat dia lah ye?**

HY: Haah, jadi air pinang tu kalau kita basuh memang tak hilanglah

**NA: Jadi, masyarakat sendirilah yang akan ambil lah yang akan buat semua bendalah ye**

HY: Ya, dia macam akan ada orang tengah yang beli lepastu bawak ke sana sampai di Kelantan beli kain batik hantar dekat sini. Haa dia macam tu, itu dulu perjalanan dagangan lah orang kata

**NA: Jadi, Kampung Pogoh ni jugaklah macam bagi sumbangan jugaklah kepada negeri Segamat ni lah kan, negara sebab banyak sangat hasil tanaman kan**

HY: Iya betul, dari dulu lah banyak. (gangguan kecil) Yang kedua segamat ni tak de estek, sebab dulu kurang sebab dah di jajah oleh British kan. Jadi macam negeri Segamat ni negeri Johor memang tak ada jajahan. Jadi tak delah estek semua tak ada. Kalau negeri yang dijajah memang dah banyak estek tu sebab tu kalau sekarang estek banyak di Batu Enam itu dulu sebelum tu memang jajahan dia Negeri Sembilan sebab tu memang tak ada estek (ketawa kecil)

**NA: (ketawa kecil) Okay, Kampung Pogoh ni boleh di katakan banyaklah cerita-cerita mistik berlaku. Antara cerita mistik yang berlaku yang pernah terjadi apa dia? Yang terkenal lah**

HY: Kebanyakannya, dulu kan perhubungan jauh banyak binatang buas, musuh macam lanun. Jadi kebanyakan diorang banyak guna dampingan lah

**NA: Dampingan?**

HY: Iya, orang dulu ramai yang gunakan jin. Jadi yang berhubung dengan jin ni adalah Tok Pawang [bomoh] setiap yang ada pendamping jin ni dulu, dia di panggil sebagai anak Tok Pawang. Jadi, bila dia dah jadi anak Tok Pawang ni dia pergi ke suatu tempat, dia tak demam dia tak sakit sebab dia dah bagi tahu yang dia adalah anak buah Tok Pawang ni. Sebab tu dulu dikatakan suatu kepercayaan tapi nak kata kepercayaan benda tu memang wujud (gangguan kecil). Eh minumlah dulu

**NA & AU: Oh iya (sambil mengangkat cawan)**

HY: (sambung bercerita) Nak dikatakan tahyul, tak juga sebab pengawal nya dulu diorang banyak naik atas rimau [harimau] kalau di air naik atas buaya. Jadi, benda tu memang berlaku betul tapi tak adalah semua orang berani naik atas harimau ni ada sesetengah jelah yang berani. Yang kedua, teman perjalanan dia daripada harimau dekat hutan, itulah dia rimau Tok Pawang tadi. Rimau Tok Pawang ada rimau jadian daripada jin

**NA: (mencelah) Ada tak nama Tok Pawang tu?**

HY: Ada, Tok Pawang yang terkenal dulu nama dia Tok Pawang Joned. Kalau dulu ikutkan memang banyak pawang. Semasa saya ingat tu lah dia, Pawang Joned, Pawang Lah, Pawang Usop, Pawang pendek dan banyak pawang lagi

**NA: Jadi, fungsi pawang ni untuk menjaga Kampung Pogoh ke atau pun**

HY: (mencelah) segalanya, dari segi jaga kampung satu. Keduanya macam ada sakit dulu memang tak ada doktor lah, jadi diorang pergi ke pawang

**NA: Jadi, semuanya akan merujuk kepada pawanglah ye**

HY: Haah pawanglah, ada tangkal sebab kebanyakan kalau boleh dia gunakan petua. Pernah dengar tak petua?

**NA: Tak pernah dengar (ketawa kecil)**

HY: Sebenarnya petua ini dia lebih baik daripada tangkal mangkal, tangkal ni orang kata macam serapah lah, serapah ni dia tangkal yang dah di baca-baca

**NA: Oh, macam rantai tu semua ke?**

HY: Haah, yang itu serapah, petua ni dia ikut lama, petua orang dulu macam ni macamtu. Jadi, daripada petua tu wujudlah tangkal mangkal ni

**NA: Maksudnya, pada zaman dahulu masyarakat Pogoh ni akan bergantung kepada pawang dan percaya kepada benda-benda tahyul macam tu lah?**

HY: Iya betul (sambil mengangguk)

**NA: Kampung Pogoh ni boleh dikatakan terkenal dengan bunian kan?**

HY: Iya, iya

**NA: Jadi, nak tanya dari segi hubungan bunian dengan manusia dekat Kampung Pogoh ni macam mana?**

HY: Tapi dulu memang kerap [berhubung] dulu lah tapi sekarang dah terlalu jauh lah

**NA: Tak seakrab yang dulu lah ye**

HY: Haah tak de, maknanya dulu kewujudan orang bunian tu, dia sekarang dah macam takut kepada manusia

**NA: Oh, takut pada kita pulak? (ketawa kecil) dulu dia lah yang menguasai Kampung Pogoh ni kan?**



HY: Haah takut kepada kita. Betul, dulu dia lah yang menguasai. Jadi, dulu perhubungan dia dengan manusia dulu memang terlalu kuat, ibarat macam dia yang kawal. Tapi, sekarang dah tak sebab dia dah larikan dia sebab dia dah banyak lari sebab dia takut. Contoh, orang dulu kalau nampak harimau diorang lari dan sorok tapi orang sekarang tak, diorang lagi macam “Mana-mana nak ambik gambar”. Jadi harimau takut dengan orang

**NA: Jadi, dia punya pemikiran zaman sekarang dan zaman dahulu dah lain lah kan?**

HY: Iya dah lain, dulu kalau orang kata “dekat situ ada orang bunian” jadi orang tak kan pergi

**NA: Dulu sebab diorang takut (ketawa kecil) tapi sekarang kita pulak yang merakam pulak kan**

HY: Iya, kita pulak yang pergi sebab nak tengok. Jadi disebabkan keberanian orang sekarang buat diorang takutlah, dia larikan diri

**NA: Tapi sampai sekarang memang ada lagi lah kan orang bunian tu cuma populasi dia tak banyak seperti yang dulu lah kan?**

HY: Eh, dia masih banyak dan sama tapi setiap tempat tu diorang berpindah-randahlah, pindah dekat tempat manusia tak duduk, diorang lah duduk situ macam dekat bukit-bukit diorang duduk sana, dia asingkan diri lah. Tapi kewujudan alam dia dengan alam kita ni--- contoh dekat sini, dia alam dia tak sama--- dia pun ada, kawasan dekat kita pun dia ada tapi rumah dia ada dekat situ cuma kita je tak nampak kan. Alam dia dengan kita ni ibarat ada tujuh [7] lapis, mungkin dia dekat lapisan dua [2] atau tiga [3] dia. Jadi, kita tidak dapat tengok dengan mata kasar

**NA: Berkaitan dengan bunian kan, dia sama je dengan cara hidup kita, macam ada bank lah, ada dia punya pasar dengan pakaian dia**

HY: Iye betul, sama macam kita saje

**NA: Tempat-tempat peninggalan dia *still* [masih] ada dekat sini lagi kan?**

HY: Haah ada, macam rumah cuma dia ni tadi kewujudan dia, dia daripada air, kita daripada tanah. Kelebihan dia daripada api tapi dia api yang biru tapi kalau iblis api yang merah, tapi api yang biru adalah jin sebab tu jin masih ada yang islam. Iblis tak ada (ketawa kecil) sebab tugas iblis memang nak sesatkan manusia je

**NA: Tapi dekat sini memang ada bunian islam, bunian kafir. Macam ada sempadan diorang lah kan?**

HY: Iya betul, dia sebenarnya bunian itu adalah golongan jin cuma yang islam tu dia dipanggil bunian yang tak islam dia dipanggil jin lah

**NA: Oh faham (sambil mengangguk)**

HY: Dia kalau golongan jin pulak dia banyak dalam--- kata- kata orang tua dulu di panggil “jinna” memang jin yang jahat, banyak orang lama panggil gelaran tu. Cuma diorang tu bukan yang islam kalau di panggil bunian memang khas pasal islam, sebab bunian ni kita dengar bunyi-bunyi je. Kadang kalau dia mengaji lepastu kalau dalam bulan puasa ni adalah diorang mengaji, syair masa subuh ada diorang bunyi. Jadi, bunyi-bunyian sebab tu diorang di panggil “bunian” sebab bunyian dia tapi orang nya tak ada, tak wujud, tak nampak

**NA: Sebab tu nama dia bunian**

HY: Iya, cuma bunyi saja. Tapi kalau nak ikutkan dia pulak, kebaikkan dia sama dengan kejahatan manusia

**NA: Maksudnya, dia lagi jahatlah**

HY: Iya, maknanya kalau jahat dia tak tahu macam mana kan. Jadi, sebenarnya kita berdamping dengan dia tak bagus sebab

**NA: (mencelah) Tak serasi**

HY: Haah, sebab kalau ikut kebaikkan dia sama dengan kejahatan manusia, paling jahat manusia baru baik dia. Jadi, kalau kita nak baik dengan dia macam mana? Kita kene bercampur dengan orang jahatlah, seumpama macam tu

**NA: Boleh dikatakan dulu memang bunian ni akrablah dengan manusia...**

HY: (mencelah) Zaman dulu kan tak ada macam sekarang kan ada *machine* [mesin], ada jentera kan tapi zaman dulu tak ada. Jadi, bila orang nak bukak kebun diorang minta bantuan dari bunian lah, bila dia minta tolong sebab tu dulu hubungan diorang rapat

**NA: Contoh-contoh pertolongan daripada bunian?**

HY: Contoh lah kan macam nak bersih kebun, orang dulu kebun banyak sampai enam puluh [60] ekar tapi diorang dulu tak guna jentera tolak, bunian yang tolong pergi

tebang, bakar macam tu. Jadi, kebanyakan nak pergi jauh sampai--- dulu kalau nak pergi sampai seratus [100] kilometer sehari-hari tapi sekarang dah ada kenderaan senang. Jadi orang dulu kebanyakannya gunakan bunian jadi perjalanan diorang cepat. Macam nak ikut jalan air, bunian tu lah yang menjelma jadi buaya akan tolak manusia bawak pergi.

**NA: Baik betul bunian (ketawa kecil)**

HY: Kalau di darat jadi harimau dan juga ada yang jadi *big foot* [hantu jubing] sampai sekarang ada. Jubing ni, dia ni tiga [3] makhluk --- makhluk pada dia binatang, iblis dan manusia. Pada satu tubuh badan dia ada tiga makhluk sebab dia macam kita boleh bercakap dan dia boleh hilang macam iblis, dia pulak kejahatan macam binatang. Jubing ni bulu dia panjang, hidung dia ke atas, kalau jumpa orang dia siat, bunuh orang tu. Tapi bagi orang yang tahu serapah dia boleh berkawan dengan dia.

**NA: Faham, sebelum ni acik ada bawa kami pergi ke tempat-tempat bunian kan. Ada yang sampai bagi pinggan. Boleh acik ceritakan sedikit?**

HY: Kisah ni dulunya, kalau nak buat kenduri kahwin, orang dulu kan taka da banyak pinggan sebab jemputan ramai kan tapi nak jamu orang tak ada bekas, pinjamlah dengan bunian

**NA: (mencelah) Pinjam dekat gua?**

HY: Haah, dekat tempat simpanan dial ah. Jadi, dulu Tok Pawang yang uruskan. Itulah yang dikatakan Pawang Joned tadi. Pawang Joned tadi yang menguruskan, dia uruskan macam mana? Kene pergi jumpa Tok Pawang cakap “Tok nak buat kenduri, nak pinjam pinggan”. Jadi, Tok Pawang bagi dia satu kemenyan, bakar

dekat pintu gua dan dia tunjuk lah mana pintu gua dia. Bakar je kemenyan hari ni, esok datang

**NA: (mencelah) ada dah pinggan dia**

HY: Pinggan dan bersusun dan dah dikeluarkan lah tinggal kita ambil dan bawak balik

**NA: Jadi, masyarakat Pogoh dulu memang mengharapkan bantuan daripada bunian untuk buat kenduri apa semua**

HY: Memang itulah, sebab kalau ikutkan bunian lebih maju daripada masyarakat Kampung Pogoh yang dulu

**NA: Oh, sebab dia dah menetap lama dekat Kampung Pogoh dulu kan?**

HY: Iya betul, sebab dulu dia--- bunian yang kaya dan yang kedua hasil bumi sepeti emas, dia dah ambil dulu

**NA: Dia dah memanfaatkan dahulu lah ye?**

HY: Haah, dia dah memanfaatkan dulu daripada kita. Jadi, kita ni manusia dalam pakatan kita dalam satu daerah masih berpakat tapi bunian tak. Dia ada satu [1] kompleks dia sebab tu apa kemajuan dia, dia cepat maju tapi tak berkembang lagi. Macam pinggan, dia dah ada tapi kita belum ada

**NA: Macam Cik Halim dulu pernah tak terjumpa atau berborak ke dengan bunian ni?**

HY: Ini pengalaman saya masa umur saya enam [6] atau tujuh [7] tahun. Masa tu duduk dengan atuk dekat rumah bawah ni lah kan (sambil tunjuk rumah di bawah), waktu sembahyang Zuhur ada satu orang tua tu di panggil Bidan Normah--- Bidan Normah tu memang orang bunian, dia duduk belakang rumah acik nil ah. Jadi, setiap kali dia nak balik pasti dia lalu dekat rumah atuk sambil bawak bakul. Bila lalu je, atuk tegur dia “Tak singgah? Singgahlah dulu” (ketawa kecil). Jadi, dia pun sangkut bangkul dia dekat pokok pastu naik duduk borak dengan atuk

**NA: Borak macam kita lah? Macam ni?**

HY: Ha sama, dia ketawa-ketawa sebab atuk dulu dia isap rokok daun, yang dia tu makan sirih tembakau. Lepas tu, atuk berborak lah dengan dia, atuk cakap dia baru lepas mengubat orang

**NA: Oh, bunian pun boleh mengubat orang?**

HY: Iya, sebab dia tu bidan. Kalau orang kampung nak bersalin, dia lah tolong. Tapi, nak kata jelmaan dia macam orang lah

**NA: (mencelah) Dia sama juga macam manusia lah kan?**

HY: Haah sama je, berapa kali cuba nak ikut dia sebab nak tengok mana rumah dia tapi tak pernah berjaya

**NA: Maksudnya, dia menghilangkan diri ke?**

HY: Eh tak, sebab dia jalan laju dah sampai ke hutan hilang dah dia. Jadi berapa kali cuba untuk tengok mana rumah dia tapi tak pernah dapat. Besok tengah hari dia lalu lagi singgah rumah atuk tapi sebelum atuk sembahyang subuh mesti dia dah sampai

**NA: Selain daripada pawang, bomoh, bunian ni juga lah kan yang menjaga Kampung Pogoh kan?**

HY: Iya, bunian juga yang membuat kawalan

**NA: Contoh-contoh kawalan yang dia bagi?**

HY: Yang pertama, pernah penyakit pertama yang di katakan wabak tadi, salah satu yang pernah dengar, dia akan buang ancak

**NA: Buang apa? Anciak? Anciak itu apa?**

HY: Anciak ni seperti makanan dan bunga-bunga yang dilepaskan ke sungai

**NA: Oh, dekat sungai Pogoh ni?**

HY: Iya, dia taruk [letak] dalam upir macam pulut, ayam. Macam tulah kepercayaan dia, macam hantu penyakit tadi...

**NA: Hantu penyakit? (keliru)**

HY: Haah, hantu tu yang bawak penyakit. Jadi, bagi hantu tu makan orang tak akan kena penyakit

**NA: Oh faham, jadi orang bunian tu lah yang tolong kan, macam jadi perantaraan**

HY: Betul, jadi perantaraan. Jadi, setiap tahun di panggil berubat kampung, bila berubat kampung satu orang masa tu tak boleh keluar rumah...

**NA: (mencelah) Biar bunian lah *settle* (selesai) kan dulu lah ye? (ketawa kecil)**

HY: Iya betul, macam tu lah contoh dia. Jadi, kita dapat lah tengok orang yang buang ancak lepas dekat sungai tu dengan makanan, bunga-bunga penuh lepastu hilirkan ke sungai. Tapi, itulah dia kepercayaan tapi sekarang kalau dalam islam tak boleh sebab syirik. Jadi, hari ni kita dapat fikirkan balik macam tu lah juga kehidupan orang yang dekat pulau-pulau dahulu yang dia ikut pada atuk nenek moyang

**NA: Sama lah dengan Kampung Pogoh ni kan?**

HY: Sama, tapi sekarang ramai dah banyak berfikir, dah tak ada wujud, itulah hilangnya macam pada bunian, semua hilang macam pakatan pun hilang dah disebabkan kemajuan. Tapi tentang bahasa pula, jauh. Tengok anak-anak bawahan, bahasa tak ada sopan. Kalau jumpa orang tua tak menghormati

**NA&AU: (mengangguk sambil ketawa kecil)**

HY: Jadi maknanya jauh perbezaan dulu dan sekarang itulah, adat resam tak ada



**NA: Setuju, Kampung Pogoh ni banyak cerita-cerita mistik tapi yang utamanya kan, apa yang menggambarkan Kampung Pogoh itu sendiri?**

HY: Asal nama nya Tok Teguh kan. Jadi, keteguhan Pogoh ni sampai sekarang tak dapat dibolosi oleh apa-apa pun, sampailah hari ini. Maknanya, kalau apa-apa pun macam daripada syarikat besar ke nak mencero boh sini tak dapat--- tak da siapa yang mempersetujui projek-projek disebabkan prinsip keteguhan itu sendiri. Bila sebut Pogoh dia maknanya “teguh”. Bila teguh, apa-apa generasi baru pun di situ adalah keteguhannya

**NA: Datanglah apa pun *still* [masih] akan teguhlah kan?**

HY: Iya, (ketawa kecil) di situlah yang saya nampaklah sebab nak dimajukan apa jenis perkembangan tak dapat

**NA: Yelah, sebab Kampung Pogoh itu sendiri pun, dah ada macam-macam seperti hasil bumi lah dan semua benda dah ada**

HY: Haah semua benda dah ada, dari dulu pun tak pernah berharap pada kerajaan pun

**NA: Dekat sini ada tak bukti-bukti peninggalan sejarah yang dahulu?**

HY: Semua dah banyak dah di hapuskan, maknanya bila dah tolak tanah yang baru semua dah hilang. Dah tak ada lagi dah

**NA: Contoh macam kubur? Kubur-kubur orang yang penting?**

HY: Emm (berfikir) yang ada tinggal kubur Tok Kadi, kubur Tok Teguh tu dah tak ada. Dia dulu kubur batu-batu bulat je kan, bila orang dah mula buat kebun jadi hilang tempat kubur-kubur ni macam lambang dia banyak yang hilang bukannya dimusnahkan tapi tak ada kawalan daripada kerajaan

**NA: Macam dekat sini, tak silap nama perkuburan dia Tok Kali kan?**

HY: Haah yang tu, Tok Kali...

**NA: Sebab Tok Kali ada dekat situ kan?**

HY: Haah ada dekat situ

**NA: Jadi, Tok Kali ni lah kan yang bersaudara dengan--- eah (tersilap) adik dia ular tu kan?**

HY: Dia berkembar dengan ular, Tok Kali tu. Dia masa lahirnya, dia berkembar dengan ular. Maksudnya orang panggil kubur dia tu “keramat Tok Kali”. Kembar ular dia tu upon tak lama, tak sampai setahun dia meninggal, dia dikebumikan dulu. Disebabkan dulu dipanggil keramat, bila orang demam ke apa, bawak air dengan sirih letak dekat kubur dia cakap “Tok cucu demam”, besok datang ambik air makan sirih tu, kurang demam. Kepercayaan dulu memang macam tu sebab kira baru lagilah, tahun 90-an kerajaan dah tak dibenarkan sebab syirik. Dulu, kubur tu siap ikat dengan kain kuning

**NA: Sebab nak puja kubur tu lah kan?**

HY: Iya, semua tu syirik. Jadi sampai ke hari ini benda tu ditutupkan. Bukan tu saja, dekat tepi sungai tu ada batu lama yang tinggi itu kerabat Raja Aceh...

**NA: Boleh dikatakan dahulu Kampung Pogoh ni sebagai salah satu pelabuhan lah kan?**

HY: Haah betul, sebab tu dulu hasil dagangan seperti getah dan pinang dan hasil pertanian yang lain nak hantar ke Muar melalui pelabuhan. Dulu ada nama penghulu Tok Perang, Tok Perang tu dulu dia asal daripada Sumatera juga, dia ada hasil dagangan. Dia dulu jual kain batik apa semua. Jadi, dia kahwin dengan orang dekat sini --- orang asli. Keturunan dia pun masih ada lagi di sini. Jadi Tok Perang kahwin dengan Tok Koma ada tiga [3] orang anak, yang satu namanya Halimah, yang kedua namanya Mat dan yang ketiga namanya Aruk (bunyi televisyen). Jadi, anak-anak dia lah yang jadi penghulu dahulu dekat sini. Tapi bila dah ada sistem pentadbiran mula lah tukar penghulu

**NA: (mencelah) Pada tahun berapa sistem pentadbiran itu tukar?**

HY: Emm (berfikir) dalam tahun 70-an juga sebab masa tahun 70 tu anak dia jadi penghulu lagi. Lepas tu baru tukar penghulu tu dipanggil naib. Tapi kalau di Negeri Sembilan dah lain dia panggil (berfikir)

**NA: (mencelah) Tok Lembaga ke?**

HY: Haa, yang pertama sekali penghulu kerajaan adalah Naib Ismail. Lepastu, bila dia nak pencen tukar penghulu lain, kerajaan juga yang pilih kan, tak ikut keturunan macam dulu

**NA: Cik, saya rasa saya nak bagi satu soalan *last* [terakhir]. Bagi pandangan acik sendiri lah, Kampung Pogoh ni kan macam ramai yang tak berapa tahu sangatlah kan dekat Segamat ni. Walaupun ni merupakan kampung pertama dekat Segamat. Daripada**

**encik sendiri bagaimana orang lain macam generasi muda untuk tahu lagi pasal Kampung Pogoh. Sebab bila dengar cerita encik ni banyak sangat sejarah, cerita-cerita mistik**

HY: Kalau nak memperkenalkan, boleh selitkan dalam surat khabar...

**NA: (mencelah) ataupun seperti penggunaan media sosial ke kan**

HY: Betul (sambil mengangguk) selitkan mengenai cerita Kampung Pogoh. Contoh lah beri satu tajuk, dulu acik pernah buat dekat Metro [surat khabar] tajuk dia “Buaya putih kepala tiga di lubuk”

**NA: Jadi, orang lain akan tertarik lah nak tahu pasal Kampung Pogoh ni lah kan?**

HY: Iya, bila keluarkan tajuk macam tu jadi orang cuba nak tahu. Itulah cerita pertama yang acik bagi kan

**NA: Acik lah ya yang usulkan**

HY: Iya, jadi akan ada ramai lah yang tanya pasal sejarah buaya putih tu lepasni boleh cerita pasal bunian pula (ketawa kecil)

**NA: Betul tu, saya setuju (ketawa kecil)**

HY: Lagi satu mengenai panglima maknanya pahlawan, seperti hati pahlawan, sikap pahlawan dan keberanian. Jadi, hari ni kita nak wujudkan balik anak-anak muda macam hati jiwa pahlawan, jangan kita keberanian untuk menentang kerajaan bukan tapi kita keberanian menyokong kerajaan, ambik kebenaran...

**NA: (mencelah) orang kata jangan telan dek zaman lah kan (ketawa kecil)**

HY: Iya macam itu lah. Jadi, hidupkan balik. Acik pon sekarang ni tak jumpa dah kehebatan macam dulu macam kene parang tak lut (tembus)

**NA: Betul, susah nak jumpa macam tu dah**

HY: Dulu acik dulu berkawan dengan orang macam tu lah yang berselendang merah. Itulah senjata orang melayu kita. Patutnya dihidupkan balik sebab macam ayat empat tu, malaikat yang bantu cuma musuh nampak parang je yang terbang, orang nya tak nampak. Sebab hari ni dah jauh lagi-lagi anak muda, tentang sejarah tak nak ambik tahu...

**NA: (ketawa kecil)**

HY: untuk perjuangan agama pun tak nak ambil tahu. Hari ni kalau dapat, hidupkan balik sejarah. Mintak balik menteri pendidikan ada kan balik macam dulu ingat tak dipanggil Trawih?

**NA: Trawih? (keliru)**

HY: Trawih tu dulu dipanggil sejarah pada tahun 60-an, lepas tu pada tahun 70-an dan 80-an dah ditukarkan kepada sejarah yang wajib kena ambil dulu. Yang pentingnya sejarah wujudkan itu dulu macam mana kita merdekar dan macam mana perjuangan negara kita, asalnya orang melayu nak dapatkan kebebasan, itu lah sejarah

**NA: Kesimpulannya, Kampung Pogoh ni banyak je cerita-cerita yang menarik. Cuma tak diperkenalkan...**

HY: Yang pertama tak diperkenalkan, yang kedua sebab tanda sejarah dia dah tak wujud lagi. Jadi bukti dia tak ada

**NA: Jadi, salah satu caranya dengan macam ni lah (sejarah lisan)**

HY: Iya dengan macam ni walaupun hanya dapat dengar cerita sahaja

**NA: Betul tu acik (ketawa kecil), saya rasa kita dah boleh tamat kan kita punya *interview* [temubual] ni. Kami nak ucapkan terima kasih Cik Halim sebab dah jadi kami punya sumber utama untuk dapat maklumat mengenai Kampung Pogoh ni. Terima kasih**

HY: Saya pun begitu juga, setakat mana yang dapat saya terangkan, mana yang saya tahu saja lebih dari tu Wallahualam lah (ketawa kecil)

**NA: Tak pe (ketawa kecil), Terima kasih**

HY: Sama-sama. Eh jemput minum (sambil menunjuk ke cawan)

**NA: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai sejarah Kampung Pogoh bersama Encik Abdul Halim Bin Yusof. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam sejarah Kampung Pogoh bagi para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih**

# **LOG TEMUBUAL**



## 6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	HURAIAN
0:01 – 2:57	Latar belakang responden	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Abdul Halim bin Yusuf</li> <li>• 60 Tahun</li> <li>• Tempat lahir Kampung Pogoh</li> <li>• Bersara dan usahakan kebun</li> <li>• Menetap di Kampung Pogoh dari lahir sehingga kini</li> <li>• 16 adik beradik, 3 orang telah meninggal</li> <li>• Mempunyai 7 orang anak, 4 cucu</li> <li>• Pernah bersekolah di Sekolah Kebangsaan Pogoh dan Sekolah Menengah Paduka Tuan</li> </ul>
3:09 – 5:08	Penglibatan dalam Persatuan Sejarah Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyertai lebih kurang 5- 6 tahun</li> <li>• Encik Hisyamudin daripada UiTM mencadangkan penubuhan persatuan</li> <li>• Encik Halim orang pertama yang menyertai persatuan Sejarah Segamat</li> <li>• Tugas Encik Halim menyampaikan maklumat yang beliau tahu</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terlibat kerana minat akan sejarah dan mencari pelapis-pelapis baru</li> </ul>
5:16 – 6:22	Asal-usul pembukaan dan nama Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama Pogoh diambil daripada nama orang iaitu Teguh</li> <li>• Nama beliau Teguh dan dipanggil atuk Teguh</li> <li>• Ramai orang berpindah-randah waktu dahulu lalu menetap di rumah Pogoh</li> <li>• Rumah Pogoh wujudnya surau dan orang belajar agama di surau tersebut</li> </ul>
6:25 – 6:59	Kewujudan orang asli di Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang pertama yang menetap ialah orang asli</li> <li>• Orang Melayu tetapi tiada pegangan agama hanya mengikut adat atuk nenek moyang</li> </ul>
7:04 – 8:56	Kedatangan agama di Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang luar dari Muar dan Indonesia datang bawak agama dan mengajar agama kepada penduduk</li> <li>• Guru-guru agama datang ke rumah untuk mengaji dan mengajar tajwid</li> <li>• Belajar ke luar negara Arab Saudi, Jordan, Yaman dan Kelantan dan pulang ke Kampung Pogoh untuk penyebaran agama</li> </ul>

9:00 – 12:08	Jajahan Muar diperintah oleh Raja Ali	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Segamat di bahagikan separuh Negeri Sembilan, separuh jajahan Muar</li> <li>• Sultan Mahmud lari dikejar oleh Protugis dan masuk ke Segamat</li> <li>• Basuh muka menggunakan air sejuk dan terhasil nama Segamat di Lubuk Batu</li> <li>• Kisah Panglima Tepok dan Hang Nadim ke Kota Tinggi</li> </ul>
12:13 – 18:24	Tokoh Perintis Panglima Pasak di Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendekar dan panglima antaranya Panglima Pasak yang berasal dari Bugis dan ada 5 generasi keturunan di Pogoh</li> <li>• Orang luar tidak berani masuk ke kampung kerana ramai pendekar</li> <li>• Kampung Pogoh ramai keturunan pahlwan. Panglima pasak menggunakan ilmu hitam, kebal, boleh hilang</li> <li>• Nama gelaran Pasak kerana mati dipasak dengan buluh kerana sifat jahatnya</li> </ul>
18:26 – 19:47	Kampung Pogoh di jaga oleh Pawang dan Pendekar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap sungai dan jambatan di jaga oleh Pawang dan Pendekar supaya orang luar tidak boleh masuk</li> <li>• Anak perempuan Cina diberi kepada orang melayu untuk jadi anak angkat di Kampung Pogoh untuk tujuan keselamatan dari Komunis</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Pogoh dalam jagaan pawang tamat pada tahun 90 an</li> </ul>
19:48 – 20:34	Keadaan Kampung Pogoh semasa awal pembukaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Pogoh dipenuhi hutan dan semak samun penduduk berkebun disitu tanpa membayar cukai</li> <li>• Penduduk suka berpindah-randah kerana ramai pahlawan</li> </ul>
20:38 – 23:23	Kampung Pogoh dilanda wabak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 1880 Kampung Pogoh dilanda wabak sakit raja berpunca daripada sakit perut lalu meninggal</li> <li>• Meragut 5-6 orang nyawa dalam sehari, meracau nak makan makanan seperti buah durian walaupun bukan musimnya. Tetapi permintaan itu ditunaikan walaupun sebiji</li> <li>• Ramai penduduk berpindah ke luar dan membuka perkampungan yang lain serta banyak tanah perkuburan disebabkan wabak itu</li> </ul>
23:25 – 24:47	Kisah Bukit Limau Manis, Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perempuan tidak boleh melahirkan anak di pulau itu kerana sumpahan</li> <li>• Melahirkan di luar kawasan itu seperti di dalam kereta, perahu dan lain-lain</li> </ul>
24:36 – 28:41	Bilangan penduduk di Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih kurang 300 orang penduduk di Kampung Pogoh</li> <li>• Kampung Pogoh dipecahkan kepada beberapa bahagian seperti Pogoh 1, Pogoh</li> </ul>

		<p>2, Pogoh 3 serta Pogoh Tengah kerana penduduk semakin ramai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Halim menerangkan tentang mukim dan ketua kampung bagi setiap kampung</li> </ul>
28:54 – 29:14	Pekerjaan penduduk di Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramai penduduk telah berhijrah dan merantau ke bandar seperti Kuala Lumpur</li> <li>• Penduduk berkebun dan bercucuk tanam serta berniaga dengan hasil tanaman mereka</li> </ul>
29:22 – 35:50	Percampuran bangsa di Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan orang Melayu Islam tinggal di Kampung Pogoh</li> <li>• Anak angkat Cina ramai yang berkahwin dengan orang melayu di kampung itu</li> <li>• Encik Halim bersetuju dengan adanya percampuran perkahwinan maka lahirlah anak yang pandai.</li> </ul>
35:51 – 38:49	Kedatangan Jepun ke Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang Jepun berkahwin dengan orang Kampung Pogoh, salah satu keturunan Jepun yang ada di Kampung itu</li> <li>• Menjelaskan bahawa orang melayu mudah ditindas dan generasi muda tidak berkembang maju</li> </ul>
38:51 – 38:57	Sesi pertama temubual selesai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tamat sesi temubual bersama Nur Amirah Uzma</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesi temu bual disambung oleh Nurul Arissa</li> </ul>
40:30-42:40	Wabak yang melanda Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wabak yang dinamakan sebagai sakit raja yang dahulunya telah meragut lebih lima orang nyawa dalam sehari</li> <li>• Faktor utama wabak itu hilang akibat ramai orang kampung dulu telah lari pergi ke kampung lain</li> </ul>
42:50- 47:15	Kisah mengenai hantu kambing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diberikan gelaran Poyang oleh penduduk kampung dahulu</li> <li>• Merupakan orang Sumatera tetapi apabila dia nya meninggal menjelma sebagai hantu kambing</li> <li>• Mayatnya di tanam berhampiran dengan Sungai Pogoh</li> </ul>
47:20- 50:10	Corak pentadbiran Kampung Pogoh pada masa dahulu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cik Halim menyatakan masyarakat dahulu amat bersatu padu tanpa mengira kaum</li> <li>• Mereka asalnya amat prihatin dan selalu bekerjasama terutama jika seseorang ingin membuat rumah</li> <li>• Cik Halim juga berpendapat bahawa hilangnya semangat kerjasama kerana sekarang ini lebih bergantung kepada kerja yang mudah</li> </ul>

50:12-54:10	Aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat dahulu di Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Pogoh terkenal dengan hasil pertanian seperti kelapa, buah pinang dan getah</li> <li>• Sangat aktif dalam mengeksport hasil bumi yang ada di Pogoh terutama eksport ke Kelantan dan Terengganu</li> <li>• Pernah menjadi pelabuhan untuk orang berdagang</li> <li>• Kebanyakan penduduk Kampung Pogoh dulu berkebun dan memungut hasil pertanian</li> </ul>
54:12-57:46	Cerita- cerita mistik yang pernah berlaku di Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hampir semua penduduk kampung dahulu mempunyai dampingan yang mereka dapat daripada Tok Pawang</li> <li>• Menggunakan jin untuk menjadi kebal dan bagi memupuk keberanian diri</li> <li>• Tok Pawang yang terkenal adalah Tok Pawang Joned di mana dia boleh berhubungan dengan bunian</li> <li>• Kampung Pogoh dahulunya dijaga rapi oleh ramai Tok Pawang dan bunian</li> </ul>
57:57-1:02	Keakraban bunian dengan penduduk Kampung Pogoh dahulu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cik Halim menjelaskan akan keakraban manusia dengan bunian pada masa dahulu dan sering berhubung dengan bunian</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bunian telah menolong penduduk kampung dengan menyediakan pinggan untuk kenduri jika tidak cukup</li> <li>• Cik Halim menyatakan populasi bunian di kampung ini tidak banyak seperti dahulu</li> <li>• Tempat peninggalan bunian seperti gua yang digunakan untuk meminjam pinggan, bank bunian tempat mereka mendapatkan wang dan hutan-hutan yang merupakan perumahan mereka</li> </ul>
1:04-1:15	Sesuatu yang boleh menggambarkan Kampung Pogoh itu sendiri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tok Teguh yang merupakan seseorang yang boleh menggambarkan Kampung Pogoh disebabkan nama kampung yang di ambil sempena namanya.</li> <li>• Cik Halim memberitahu semangat kepahlawanan yang masih ada sehingga ke hari ini</li> <li>• Hasil pertanian yang membuatkan Kampung Pogoh dapat memberikan sumbangan</li> </ul>
1:15-1:20	Bukti peninggalan sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat peninggalan seperti kubur Tok Kali di mana kuburnya telah menjadi pemujaan oleh penduduk dahulu</li> <li>• Cik Halim menjelaskan sungai-sungai di Kampung Pogoh pernah menjadi tempat pelabuhan</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan bukti peninggalan sejarah telah hilang tetapi tapaknya masih ada</li> </ul>
1:21-1:23	Sistem pentadbiran Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cik Halim juga menjelaskan pada tahun 70-an ianya telah ditukarkan oleh kerajaan</li> <li>• Penduduk dahulu melantik penghulu mereka atau sekarang ini digelar sebagai Naib mengikut dari keturunan</li> </ul>
1:24- 1:30	Pendapat daripada Cik Halim mengenai harapan untuk generasi muda mengetahui Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau mengharapkan untuk makin ramai menyelitkan mengenai cerita kampung ini seperti di dalam akhbar dan media sosial</li> <li>• Sedih kerana ramai anak muda tidak mengambill peduli mengenai sejarah walaupun ianya terkandung pelbagai peristiwa yang menarik</li> <li>• Mengharapkan dengan sejarah lisan ini dapat memberikan maklumat lebih lagi mengenai Kampung Pogoh</li> </ul>
1:30-1:32	Kesimpulan mengenai sejarah lisan Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Pogoh banyak peristiwa yang menarik pernah berlaku tetapi tidak dihebahkan oleh masyarat sekarang</li> <li>• Cik Halim menyatakan bahawa Kampung Pogoh akan sentiasa teguh walaupun semakin banyak pembangunan yang berlaku</li> </ul>
1:32-1:32.25	Penutup sejarah lisan mengenai Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diharapkan sejarah lisan ini dapat memberikan sumbangan untuk</li> </ul>

		<p>menambahkan lagi maklumat mengenai kampung ini</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan diberikan oleh pengkisah iaitu Ecik Halim Yusof di atas kerjasama beliau</li></ul>
--	--	--

**RALAT**

## 7.0 RALAT

Sesi temubual yang dijalankan oleh kami Nur Amirah Uzma binti Razak dan Nurul Arissa binti Muhamad Zamri bersama Encik Halim bin Yusuf merupakan seorang pesara Majlis Perbandaran Segamat dan kini bergiat aktif di dalam Persatuan Sejarah Segamat. Temubual yang dijalankan oleh kami adalah di rumah beliau sendiri iaitu bertempat di Kampung Pogoh. Terdapat beberapa gangguan semasa temubual ini dijalankan namun tidak menjejaskan sedikit pun sesi temubual ini berlangsung. Disebabkan rumah Encik Halim jauh daripada jalan raya yang sesak maka pencemaran bunyi daripada jalan raya dapat kami elakkan dan hanya terdapat gangguan kecil sahaja yang tidak dapat dielakkan iaitu:

- Gangguan Bunyi
- Gangguan Bunyi Kertas
- Gangguan Bunyi Televisyen
- Gangguan Suara
- Gangguan Bunyi Memasak
- Gangguan Bunyi Nada Dering Telefon
- Gangguan Bunyi Kipas
- Gangguan Bunyi Burung

Walaupun bagaimanapun, sesi temubual ini dapat dijalankan dengan lancar dan sangat baik. Kerjasama antara Encik Halim sendiri sangat memberangsangkan kerana dapat memberi input-input yang berguna untuk kami menyiapkan kajian sejarah lisan ini. Beliau sangat produktif dengan membawa kami ke tempat-tempat peninggalan bersejarah di Kampung Pogoh itu sendiri dengan itu kami dapat merasai sendiri apabila melihat tempat-tempat bersejarah tersebut. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama Encik Halim dalam membantu kami menyiapkan tugas ini sekali gus dapat memberikan kami pengetahuan yang baru tentang sejarah dan budaya yang terdapat di kampung itu sendiri dan termasuklah di daerah Segamat itu. Tidak lupa juga kata-kata nasihat dan pedoman yang diberikan oleh beliau kepada kami.

# **GLOSARI**

## 8.0 GLOSARI

A	
Alam ghaib	Alam yang tidak kelihatan oleh mata kasar manusia
Asal- usul	Salasilah, asal keturunan (seseorang)
Anak angkat	Anak yang diambil dan dijadikan sebagai anak sendiri
B	
Buah pinang	Sejenis tumbuhan dari kumpulan palma
Bunian	Makhluk halus atau orang halus yang tinggal di hutan
Bidan	Wanita yang ditugaskan untuk membantu seseorang wanita melahirkan anak.
Bomoh	Orang yang sangat dipercayai boleh menyembuhkan berbagai-bagai penyakit
Bersara	Persaraan merupakan status seseorang pekerja yang telah berhenti dari kerjanya
Beranak-pinak	Mempunyai keturunan
Bahasa ibunda	Bahasa kehormatan, bahasa yang dipakai di istana
C	
Campuran	Gabungan sesuatu seperti perhubungan dan tidak asli lagi

D	
Dampingan	Bergandingan, bersama-sama menghadapi atau mengusahakan sesuatu
E	
Eksport	Proses barang atau komoditi yang dijual atau diangkut dari satu negara ke negara lain secara sah
G	
Getah	Cairan pekat yang keluar dari pokok
Gua	Terowong semulajadi yang terbentuk ke dalam bukit atau gunung
Generasi	Kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama
H	
Hantu	Ciptaan khayalan manusia yg menakutkan atau menggerunkan
Hutan	Kawasan yang ditumbuhi pokok secara meliar dan bercampur-campur
I	
Ilmu	Pengetahuan dan kepandaian mengenai sesuatu bidang
Istana	Rumah kediaman raja atau ketua negara; bumi
Ilmu Hitam	Ilmu hitam bermaksud ilmu yang menggunakan perantaraan syaitan untuk melakukan sesuatu perkara yang luar biasa

J	
Jajahan	Kawasan yang berada di bawah kuasa politik sesebuah negara lain
Jin	Makhluk Allah yang diciptakan daripada api
K	
Kajian	Salah satu kaedah penyelidikan bukan berbentuk eksperimen yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang khususnya
Kampung	Sebuah penempatan manusia di kawasan luar bandar
Kawasan	Tempat terbuka atau lapangan
L	
Laluan	Jalan yg menjadi landasan atau tempat pergerakan pergi balik orang atau pengangkutan
Lisan	Sesuatu yang diucapkan
Lembab	Lambat berfikir; tidak cekap atau tidak cergas
M	
Masyarakat	Komuniti manusia yang tinggal bersama-sama
Meriam	Senjata api yang diperbuat daripada buluh
Mukim	Pembahagian Daerah kampung
Merantau	Mengembara mencari penghidupan di sejauh rantau
Mualaf	Orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru



N	
Niat	Maksud atau tujuan sesuatu perbuatan
Naib	Pengganti, wakil atau penolong
O	
Orang asli	Orang asal yang menduduki tanah Semenanjung Tanah Melayu sejak azali lagi
P	
Panglima	Gelaran yang diberikan kepada tokoh yang mempunyai sifat kepahlawanan
Pawang	Orang yang sangat dipercayai boleh menyembuhkan berbagai-bagai penyakit
Pelapis pelapis	- Orang yang mengambil alih atau meneruskan sesuatu tugas
Pangkalan	Tempat kapal berlabuh dan tempat barang-barang dagangan dikumpul
R	
Ramah	Elok dan menarik budi bahasanya
S	
Sultan	Sultan ialah gelaran raja untuk salah tujuh daripada sembilan buah negeri Melayu

Sumpahan	Pengakuan yang dibuat dengan bersaksikan Tuhan atau sesuatu yang dianggap suci
Sejarah lisan	Satu kaedah penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan sejarah melalui pengkisahan
T	
Tepok	Organ badan yang telah lumpuh, lemah
Tangkal	Penangkal sesuatu yang digunakan untuk menolak bala
W	
Wabak	Sejenis penyakit menular dan berjangkit
Z	
Zaman	Tempoh atau jangka masa tertentu

# INDEKS

## 9.0 INDEKS

### A

adat, 20, 35, 62, 71  
agama, 10, 20, 21, 35, 36, 67, 71, 85,  
ajar, 8, 20, 21, 36, 71, 100, 102  
alam, 20, 65, 116  
asal, 8, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 30, 31, 32, 34, 35, 37, 42, 46,  
62, 64

### B

bidan, 59, 60, 83  
buah, 5, 12, 29, 49, 50, 52, 73, 76,  
buaya, 52, 57, 65, 66  
budaya, 10, 11, 81  
bukti, 12, 63, 67, 77, 78, 97  
bunian, 10, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 66, 76, 77, 83  
bomoh, 10, 51, 60, 83

### C

cina, 12, 27, 28, 36, 37, 38, 72, 74  
corak, 11, 12, 48, 75, 96

### D

daerah, 8, 11, 12, 21, 34, 59, 81  
dampungan, 51, 76, 84

### E

eksport, 13, 50, 76, 84

### G

generasi, 8, 11, 12, 13, 25, 36, 62, 65, 72, 74  
ghaib, 10, 14, 83  
gua, 58, 77  
golongan, 7, 55, 56

### H

hutan, 12, 20, 28, 45, 47, 52, 60, 73, 77, 83, 84, 105,  
hantu, 10, 35, 43, 46, 47, 57, 61, 75, 84  
harimau, 45, 52, 54, 57, 106

## I

islam, 10, 34, 35, 36, 55, 56, 61, 74, 85, 93  
ilmu, 24, 68, 72, 84, 95, 97  
istana, 21, 23, 24, 83, 84

## J

jajahan, 21, 33, 51, 72, 85  
jin, 10, 51, 52, 55, 56, 76  
Johor, 11, 21, 23, 51

## K

kampung, 8, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 23, 24, 26, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 35, 37, 38, 40, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 58, 60, 61, 64, 65, 67, 68, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 81  
kambing, 43, 45, 46, 47, 75,  
kajian, 7, 8, 9, 11, 12, 81, 85, 98, 99, 100, 101,  
kelantan, 20, 25, 38, 50, 51, 71, 76  
kubur, 30, 45, 47, 63, 64, 73, 77, 97, 100, 105

## L

lisan, 5, 6, 7, 8, 12, 15, 67, 68, 78, 79, 81, 85, 87, 91, 95, 98, 99, 101, 102, 106

## M

masyarakat, 7, 10, 11, 12, 49, 50, 53, 58, 75, 76, 85, 91, 96, 97, 104  
mukim, 32, 33, 34, 74, 85, 91  
merantau, 19, 34, 74, 85  
mualaf, 35, 36, 85  
mistik, 10, 47, 51, 62, 65, 76, 97

## N

naib, 34, 65, 78, 86

## O

orang asli, 10, 11, 20, 21, 64, 71, 86  
orang bunian, 10, 54, 59, 61, 100  
orang melayu, 20, 28, 34, 35, 36, 37, 39, 66, 67, 72

## P

pogoh, 4, 5, 8, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 38, 42, 43, 48, 51, 52, 53, 54, 58, 60, 61, 62, 64, 65, 67, 68, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 81, 91, 93, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 103  
penghulu, 23, 32, 33, 34, 64, 65, 78  
panglima, 12, 22, 23, 24, 25, 27, 66, 72, 86, 96, 105  
pawang, 10, 27, 28, 51, 52, 53, 58, 60, 72, 76, 86,

pelapis, 19, 71, 86,

## **R**

rumah, 5, 11, 20, 46, 48, 55, 59, 60, 61, 71, 75, 77, 81, 84, 100

## **S**

sakit, 28, 29, 41, 51, 52, 73, 75

Segamat, 5, 8, 11, 12, 13, 17, 18, 21, 22, 25, 34, 46, 51, 65, 70, 72, 81,

sejarah, 5, 7, 8, 11, 13, 15, 17, 18, 19, 30, 31, 43, 63, 65, 66, 67, 68, 70, 71, 77, 78, 79, 81, 86,  
87

sultan, 21, 22, 23, 24, 25, 34, 72, 86

sungai, 10, 22, 27, 43, 44, 61, 64, 72, 75, 77

## **T**

tangkal, 52, 53, 87

tanah, 11, 28, 55, 63, 73, 86, 91, 105

Tok Kali, 63, 64, 77, 103, 105

Tok Teguh, 62, 63, 77, 103

## **W**

wabak, 28, 29, 30, 40, 41, 42, 43, 44, 60, 73, 74, 75, 87

## **Z**

zaman, 8, 10, 11, 12, 19, 27, 34, 47, 53, 54, 57, 66, 87, 97, 98,

# **BIBLIOGRAFI**

## 10.0 BIBLIOGRAFI

Azizah Hamzah. (2004). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-10.

[https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/14276/Article1JPMM2004.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/14276/Article1JPMM2004.pdf)

Bazrul Bahaman. (2013). Pembukaan negeri baru dalam teks historiografi melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15–30. <https://doi.org/https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3228>

Carian Umum. (n.d.). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kampung>

Ismail Huzaimah (2005). Masyarakat Orang Asli dan pembangunan insaniah. *Jurnal CITU*, 1(2), 67–82. <https://doi.org/https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/11529>

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, December. [http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf)

Kamus Dewan Bahasa Pustaka. (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>

Kampung Pogoh, Segamat, Malaysia. *Poskod*. (n.d.).

<http://poskod.com/map.html?loc=Kampung%2BPogoh&lat=2.475353&long=102.801163>

*Kepentingan Sejarah lisan*. Kepentingan Sejarah Lisan. (n.d.).

<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

Lim, J. Y. (1987). *The Malay House: Rediscovering Malaysia's Indigenous Shelter System*. Institut Masyarakat.

*Profil Daerah Segamat*. Pentadbiran Tanah Johor. (2022, October 3).

<https://ptj.johor.gov.my/pejabat-tanah-segamat/profil-daerah-segamat/>



Rozeman Abu Hassan. (2004). *Mengenal Dan mentafsir sumber-Sumber Sejarah*. Karisma Publications.

Shazwan Yusop. (2021, March 3). *Tarikan Kampung melayu tradisional*. Kosmo Digital.  
<https://www.kosmo.com.my/2021/03/04/tarikan-kampung-melayu-tradisional/>

Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar, & Noor Azlinda Wan Jan. (2012, October). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. 138  
Welcome to Repository@USM - USM Research and Publication.  
[https://eprints.usm.my/34074/1/10\\_Radia\\_12.pdf](https://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf)

Syamilah Zulkifli (2019). *Mukim Pantai memang “banyak” Kampung Bunian: Penduduk*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/43265/edisi/melaka-ns/mukim-pantai-memang-banyak-kampung-bunian-penduduk>

# LAMPIRAN

## 11.0 LAMPIRAN

### 11.1 BIBIOGRAFI RESPONDEN



<b>BUTIRAN</b>	<b>PENERANGAN</b>
Nama	Abdul Halim Bin Yusof @ Sabtu
No. kad pengenalan	630118-01-63**
Umur	60
Agama	Islam
Bangsa	Melayu
Warganegara	Malaysia
Tarikh lahir	11 November 1963
Tempat lahir	Segamat, Johor
Alamat	Lot 1715 Jalan Bukit Piatu Kampong Pogoh Tengah, 85000 Segamat, Johor
No. telefon	0127574771
Pekerjaan	Seorang persara, pekebun dan ahli Persatuan Sejarah Segamat

## 11.2 SURAT PERJANJIAN




### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

#### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ABDUL HALIM BIN YUSOF @ SABTU K/P: 630118-01-6347 pada 21-5-2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

  
.....  
(Nama tokoh ABDUL HALIM )  
Tarikh: 21-5-2023

PN-AJURA BT ABDUL JAMIL @  
KAMARUZZAMAN  
(Nama pensyarah )  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

### 11.3 SENARAI SOALAN

#### **AYAT PEMBUKAAN**

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan berkenaan Kampung Pogoh. Bersama-sama kami adalah Encik Abdul Halim bin Yusuf yang merupakan pengkisah bagi Kampung Pogoh. Temubual dikendalikan oleh saya Nur Amirah Uzma binti Razak dan juga rakan saya Nurul Arissa binti Muhamad Zamri. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

#### **AYAT PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai sejarah Kampung Pogoh bersama Encik Abdul Halim Bin Yusof. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam sejarah Kampung Pogoh bagi para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih

## **A. LATAR BELAKANG DIRI**

1. Apakah nama penuh dan gelaran encik?
2. Berapakah umur encik?
3. Bilakah dan di manakah tempat lahir encik?
4. Apakah pekerjaan encik sekarang?
5. Berapa lamakah encik menetap di Kampung Pogoh?
6. Berapa orangkah ahli bilangan adik beradik encik?
7. Berapa orang anak encik?

## **B. SEJARAH PENDIDIKAN**

1. Bolehkah kongsikan sejarah pendidikan?
  - Sekolah rendah
  - Sekolah Menengah
2. Apakah yang dilakukan setelah encik telah tamat sekolah?

## **C. PENGLIBATAN DALAM PERSATUAN SEJARAH SEGAMAT**

1. Sudah berapa lamakah encik menyertai persatuan ini?
2. Apakah tugas encik dalam persatuan ini?
3. Apakah yang mendorong encik untuk menyertai persatuan ini?

#### **D. SOALAN UMUM**

1. Bolehkan encik ceritakan tentang asal usul pembukaan Kampung Pogoh?
  - Nama Kampung Pogoh diambil sempena nama apa?
  - Siapakah tokoh perintis Kampung Pogoh?
  - Apakah kaitan kisah Panglima Pasak dengan Kampung Pogoh?
  - Bagaimanakah keadaan Kampung Pogoh semasa awal pembukaan kampung ini?
  - Bolehkah encik ceritakan corak pentadbiran Kampung Pogoh semasa itu?
  - Apakah aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat di awal pembukaan dan gaya hidup mereka?
  - Apakah terdapat sebarang hasil bumi di sini?

#### **E. SOALAN TAMBAHAN**

1. Adakah terdapat kisah mistik yang berlaku semasa pembukaan kampung ini?
2. Bagaimanakah hubungan bunian dengan manusia dulu dan sekarang?
3. Apakah kepercayaan masyarakat Kampung Pogoh zaman dahulu?
4. Apakah yang boleh menggambarkan Kampung Pogoh?
5. Apakah bukti-bukti peninggalan yang terdapat disini? (Kubur, masjid, bank bunian, pelabuhan)
6. Siapakah orang yang berpengaruh pada zaman dahulu?
7. Apakah ilmu-ilmu yang dituntut oleh masyarakat di situ? (Kesan)

#### **F. SOALAN PENUTUP**

1. Pada pendapat Cik Halim bagaimanakah cara untuk memperkenalkan Kampung Pogoh ke masyarakat lain?
2. Apakah harapan Cik Halim terhadap generasi muda untuk mempelajari sejarah

#### 11.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
16 Mac 2023 (Khamis)	1000-1200 SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima penjelasan awal mengenai mengenai penghasilan transkrip yang telah disampaikan oleh pensyarah kami iaitu Madam Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman dalam memberikan penerangan mengenai penghasilan transkrip dan juga memberi tahu tema bagi sejarah lisan</li> <li>• Pensyarah memberitahu bahawa penghasilan transkrip adalah secara berpasangan</li> <li>• Pensyarah memberitahu bahawa tema bagi sejarah lisan dipilih sendiri oleh Persatuan Sejarah Segamat</li> <li>• Nurul Arissa dan Nur Amirah Uzma bersetuju untuk melakukan kerja secara berpasangan dan telah mendapat tempat Kampung Pogoh sebagai projek sejarah lisan</li> <li>• Tema yang kami dapat secara rawak ialah mengenai “Sejarah Kampung Pogoh” bagi projek sejarah lisan “Segar amat Bumi Bertuah”</li> </ul>
30 Mac 2023 (Khamis)	0800-1000 SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah menerangkan mengenai topik dan juga objektif bagi tema yang telah dipilih</li> <li>• Pensyarah menyuruh kami untuk membuat carian dan membaca mengenai tempat yang kami akan membuat kajian</li> <li>• Kami telah didedahkan bagaimana cara untuk memulakan sejarah lisan</li> </ul>



2 April 2023 (Ahad)	1000-1200 Online (WhatsApp)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah menerangkan mengenai kertas kerja yang perlu kami lakukan</li> <li>• Kumpulan kami yang telah mendapat Kampung Pogoh telah diberikan maklumat dan cara untuk menghubungi responden</li> <li>• Responden kami telah ditetapkan iaitu Encik Halim Yusof</li> </ul>
4 April 2023 (Selasa)	0800-1000 Online (WhatsApp)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat penerangan yang jelas dan bahan rujukan daripada pensyarah kami dalam memulakan kertas kerja seperti format penulisan dan juga isi kandungan kertas kerja</li> </ul>
8 April 2023 (Khamis)	1500-1530 Online (WhatsApp)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami telah diberikan senarai maklumat mengenai responden daripada pensyarah kami untuk menghubunginya</li> </ul>
14 April 2023 (Jumaat)	1200-1300 Bilik Kolej Nilam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami mula membuat objektif, permasalahan kajian dan soalan kajian untuk kertas kerja untuk topik kami iaitu Kampung Pogoh</li> </ul>
20 April 2023 (Khamis)	0800-1000 SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah menerangkan lebih teliti lagi tentang isi kandungan kertas kerja</li> <li>• Kami memberi tahu perkembangan bahawa responden kami dapat dihubungi dan beliau dapat bekerjasama untuk menjalankan kajian sejarah lisan ini</li> </ul>
2 May (Selasa)	1400-1430 Online (Whatsapp)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menghubungi Encik Halim untuk mendapatkan tarikh bagi temubual yang pertama</li> </ul>

		<p>dan mendapatkan sedikit maklumat untuk dimasukkan ke dalam kertas kerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menerangkan serba sedikit tentang objektif kajian ini dan bagaimana temubual ini akan dijalankan</li> </ul>
4 May 2023 (Khamis)	0800-1000 SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menunjukkan perkembangan kertas kerja kami kepada pensyarah</li> <li>• Pensyarah telah mengajar kami untuk membina soalan temubual dan menunjukkan beberapa contoh soalan untuk kami rujuk</li> </ul>
5 May 2023 (Jumaat)	2100-2300 Bilik kolej Nilam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami telah membuat rangka soalan untuk temubual bersama responden</li> </ul>
10 May 2023 (Rabu)	1500-1530 Bilik kolej Nilam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menghantar soalan temubual di dalam link Google drive yang diberikan oleh pensyarah kami untuk membuat semakan dan pengesahan sebelum menjalankan temu bual</li> </ul>
20 May 2023 (Sabtu)	1215-1430 Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami telah pergi ke rumah Encik Halim untuk menjalankan sesi perkenalan bagi pertemuan sesi pertama</li> <li>• Encik Halim bercerita sedikit pengenalan tentang Kampung Pogoh dan membawa kami melawat ke tempat-tempat peninggalan sejarah di kampung itu seperti kubur, tempat penempatan orang bunian dan lain-lain</li> <li>• Kami menunjukkan soalan-soalan temubual yang akan ditanya pada pertemuan kedua nanti dan memberitahu bahawa temubual ini akan dirakam</li> </ul>


		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Halim menandatangani surat perjanjian mengenai projek sejarah lisan</li> </ul>
25 May 2023 (Khamis)	1000-1200 SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberitahu perkembangan kajian kami selepas perjumpaan pertama bersama responden kepada pensyarah</li> <li>• Menyiapkan kertas kerja kami setelah mendapat maklumat daripada perjumpaan pertama</li> <li>• Mengenalpasti setiap isi kandungan mengenai kertas kerja dan mendapatkan rujukan daripada pensyarah kami</li> </ul>
27 May 2023 (Sabtu)	2100-2300 Bilik Kolej Nilam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami mula melakukan rumusan hasil daripada temubual bersama Encik Halim</li> </ul>
29 May 2023 (Isnin)	1400-1700 Bilik Kolej Nilam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menghantar rumusan dan soalan temu bual di Google drive yang telah diperbaiki</li> <li>• Kami mula berbincang untuk membuat persiapan bagi pertemuan yang kedua bersama responden</li> </ul>
5 Jun 2023 (Isnin)	1000-1100 Bilik Kolej Nilam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghubungi responden untuk memaklumkan mengenai perjumpaan yang akan dilakukan</li> </ul>
21 Jun 2023 (Rabu)	1200-1400 Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan bagi kali kedua bersama responden dilakukan untuk meneruskan sesi temu bual</li> <li>• Memberikan penerangan kepada responden sebelum memulakan sesi temu bual supaya lebih lancar</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merakam sepanjang sesi temu bual bagi melengkapkan projek sejarah lisan</li> <li>• Memberi sedikit hadiah kepada responden atas kerjasama yang diberikan sepanjang projek ini dilakukan</li> </ul>
29 Jun 2023 (Khamis)	1000-1200 SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah mengajar dan menunjukkan format untuk menulis transkrip dan cara penulisan artikel</li> <li>• Pensyarah memberi kami melihat contoh penulisan transkrip para pelajar semester lepas</li> </ul>
10 July 2023 (Isnin)	1300-1430 Bilik Kolej Nilam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang pembahagian tugas untuk menyiapkan penulisan transkrip</li> <li>• Kami berbincang mengenai kedai untuk membukukan transkrip dan untuk CD bagi audio temu bual</li> </ul>
18 July 2023 (Ahad)	2000-23000 Bilik Kolej Nilam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menyiapkan transkrip dan penulisan artikel untuk di hantar di Ufuture pada 20 Jun 2023</li> </ul>

## 11.5 GAMBAR



Gambar 1: Penjumpaan kali pertama bersama pengkisah Kampung Pogoh, Encik Halim Yusof



Gambar 2: Makam Atok Kali yang merupakan anak sedara Tok Teguh yang mempunyai kembar ular




Gambar 3: Gua tempat masyarakat meminjam pinggan daripada bunian



Gambar 4: Bank bunian yang menyimpan segala harta mereka dan mempunyai nilai wang mereka tersendiri



Gambar 5: Tanah perkuburan yang diberikan nama sempena nama Tok Kali



Gambar 6: Hutan yang di dalamnya mempunyai kubur panglima pasak



Gambar 7: Tempat kawalan yang dijaga oleh harimau jadian daripada bunian



Gambar 8: Perjumpaan kali kedua bagi sesi temubual sejarah lisan